



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK SAFRI BIN AZIZ
PENSYARAH DAN AJK MASJID

OLEH:

NIK AHMAD FATHULBADRI BIN NIK ZULHAIZA	2022855954
MUHAMMAD SHAKIR ANIQ BIN MOHAMAD NAJIP	2022615724

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2024 – FEBRUARI 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK SAFRI BIN AZIZ
PENSYARAH DAN AJK MASJID

OLEH:

NIK AHMAD FATHULBADRI BIN NIK ZULHAIZA	2022855954
MUHAMMAD SHAKIR ANIQ BIN MOHAMAD NAJIP	2022615724

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2024 – FEBRUARI 2025)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Syukur Alhamdulillah, segala puji dan syukur kami panjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, yang memungkinkan kami menyempurnakan tugas ini dengan baik. Selawat dan salam juga kami panjatkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah, atas tunjuk ajar, sokongan, dan bimbingan yang amat berharga sepanjang kami menjalankan tugas ini bagi subjek *Oral Documentation (IMR604)* iaitu *Projek Sejarah Lisan*. Panduan dan nasihat beliau banyak membantu kami dalam menyempurnakan projek ini dengan lebih baik.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada tokoh yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual dalam tugas ini. Terima kasih atas kesudian dan kerjasama yang diberikan, yang memungkinkan tugas kami dapat diselesaikan dengan lancar.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli kumpulan kami atas sokongan moral, sumbangan idea, dan usaha mereka dalam memastikan kelancaran perjalanan tugas ini. Semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan amat kami hargai. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu sepanjang proses penyelesaian tugas ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada keluarga kami yang sentiasa memberikan doa, dorongan, dan sokongan dari awal hingga akhir. Mereka adalah sumber inspirasi serta kekuatan kami dalam menyiapkan tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi.

Akhir kata, kami berharap hasil usaha ini dapat memberikan manfaat serta diterima dengan baik. Kami telah berusaha sebaik mungkin dan menjalankan setiap langkah dengan penuh komitmen.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Senarai Abreviasi.....	iii
Rujukan Kata.....	iv
Abstrak.....	vii
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh.....	03
Bahagian 3: Pengenalan Masjid.....	07
Bahagian 4: Hal ehwal Masjid.....	15
Bahagian 5: Aktiviti.....	25
Bahagian 6: Komuniti.....	31
Bahagian 7: Harapan dan Cabaran.....	39
Rujukan.....	53
Lampiran	
Log Wawancara.....	54
Diari Kajian.....	67
Senarai soalan.....	69
Surat Perjanjian.....	72
Gambar.....	73
Sijil penghargaan.....	74

Indeks.....	78
-------------	----

SENARAI

ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
IPG	Institut Pendidikan Guru
KPLI	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
UPM	Universiti Pertanian Malaysia
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
KUSZA	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin
KUSTEM	Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu
TNB	Tenaga Nasional Berhad
SPI	Sekolah Pendidikan Islam
AJK	Ahli Jawatankuasa
YB	Yang Berhormat
OKU	Orang Kurang Upaya

RUJUKAN

KATA

RUJUKAN KATA

Best student	Pelajar terbaik
Version	Versi
Real	Sebenar
Add Maths	Matematik tambahan
Negotiation	Berunding
Deal	Berususan
Zero	Kosong
Income	Pendapatan
Basic	Asas
Set	Ditetapkan
Giant fan	Kipas gergasi
Aircond	Penghawa dingin
Latest	Terbaru
Live	Siaran langsung
Crowd	Jemaah
Platform	Pentas
Social media	Media sosial
Highlight	Sorotan
Online	Atas talian
Group	Kumpulan
Meeting	Mesyuarat
Ad hoc	Untuk ini
Detail	Terperinci
Item	Barang
Popular	Terkenal
System	Sistem
Check	Periksa
Confirm	Mengesahkan
Upgrade	Naik taraf
Grill	Besi
Parking	Parkir

Event	Majlis
Target	Sasaran
Priority	Keutamaan
Commercial	Iklan
Staff	Staf
Student	Pelajar
Professor	Profesor
Sponsor	Menaja
Convocation	Konvokesyen
Member	Rakan
On the spot	Serta merta
Hall	Dewan
Dok	Tidak
Payoh	Susah
Mudoh	Mudah
Anok	Anak
Sorang	Sendiri
Belajor	Belajar
Buleh	Boleh
Keje	Kerja
Semayang	Sembahyang
Pakat	Bersama-sama
Hok	Yang
Takdok	Tiada
Luor	Luar
Gitu je	Beginu Sahaja
Lepahtu	Selepas itu
Mende	Apa
Nok	Nak
Diorang	Mereka
Besor	Besar
Bakpe	Kenapa

Gerok	Bergerak
Pagor	Pagar
Jemooh	Jemaah
Kat	Dekat
Sape	Siapa
Takpe	Tak mengapa
Hokni	Yang ini
Ceramoh	Ceramah
Pelajor	Pelajar
Bayor	Bayar
Gi	Pergi
Keluor	Keluar

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Masjid Baru Tok Jembal di Kuala Nerus, Terengganu, dianggap sebagai masjid mukim terbaik di negeri ini. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan faktor kejayaan masjid tersebut. Ia akan menggunakan pendekatan sejarah lisan dan kajian literatur. Hasil kajian menunjukkan bahawa perancangan strategik, pengurusan kewangan yang telus, dan sokongan komuniti adalah faktor penting dalam kejayaan masjid ini. Selain itu, artikel ini membincangkan masalah yang dihadapi semasa membina dan menjalankan masjid, serta tindakan inovatif yang diambil untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat.*

Kata kunci: *Masjid Baru Tok Jembal, masjid mukim, pengurusan masjid, sejarah lisan, komuniti.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Safri Bin Aziz
Nama Panggilan	Cikgu Safri
Umur	
Tarikh Lahir	
Alamat	Kuala Nerus, Terengganu.
Kerjaya	Pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail
Pendidikan	Sekolah Menengah Sultan Omar, Dungun Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah, Dungun Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani

PENGENALAN

PENGENALAN

Masjid merupakan institusi penting dalam kehidupan umat Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat sosial, pendidikan, dan kebudayaan. Perkataan "masjid" berasal daripada akar kata Arab "sajada" yang bermaksud sujud, melambangkan ketundukan dan kepatuhan kepada Allah. Sejak zaman Rasulullah S.A.W., masjid telah menjadi pusat utama bagi umat Islam untuk berkumpul, beribadah, serta menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Dalam perkembangan masyarakat moden, masjid tidak hanya berfungsi sebagai tempat solat berjemaah tetapi turut memainkan peranan dalam menyatukan komuniti, menyebarkan ilmu pengetahuan, dan menggerakkan program kebajikan. Salah satu contoh masjid yang mencerminkan peranan ini ialah Masjid Baru Tok Jembal di Terengganu. Masjid ini bukan sahaja menjadi pusat ibadah utama bagi penduduk setempat, malah berperanan dalam memperkuuh hubungan sosial dan pembangunan masyarakat melalui pelbagai aktiviti keagamaan dan sosial.

Kajian ini memberi tumpuan kepada sejarah penubuhan, fungsi, serta peranan Masjid Baru Tok Jembal dalam membentuk identiti dan perpaduan masyarakat di kawasan Tok Jembal. Dengan meneliti aspek-aspek ini, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan masjid dalam kehidupan masyarakat Islam, khususnya dalam menghadapi arus kemodenan yang semakin berkembang.

Selain menjadi pusat ibadah, Masjid Baru Tok Jembal juga berfungsi sebagai institusi yang menyatukan masyarakat setempat melalui pelbagai aktiviti keagamaan dan sosial. Masjid ini sering menjadi lokasi bagi ceramah agama, kelas pengajian Al-Quran, dan program kebajikan yang melibatkan golongan dewasa serta kanak-kanak. Fungsi ini menunjukkan bahawa masjid bukan sekadar tempat untuk menunaikan solat tetapi turut berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran ilmu Islam.

Dalam konteks pembangunan sosial, Masjid Baru Tok Jembal memainkan peranan penting dalam memperkuatkan hubungan silaturahim antara penduduk setempat. Program seperti majlis berbuka puasa, kenduri kesyukuran, serta gotong-royong sering dianjurkan bagi menggalakkan interaksi dan perpaduan dalam komuniti. Aktiviti ini bukan sahaja memberi peluang kepada penduduk untuk berinteraksi tetapi juga mengukuhkan nilai-nilai kebersamaan dan kemasyarakatan dalam kalangan mereka.

Tambahan pula, masjid ini turut menjadi tempat untuk membincangkan isu-isu masyarakat dan menyelesaikan pelbagai permasalahan komuniti. Musyawarah atau perbincangan yang diadakan di masjid membolehkan pemimpin setempat serta penduduk berbincang dan mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi oleh masyarakat. Ini menjadikan masjid sebagai medium penting dalam memastikan kesejahteraan komuniti setempat dapat dikekalkan.

Masjid Baru Tok Jembal juga memainkan peranan dalam mengekalkan warisan budaya dan nilai-nilai Islam dalam kalangan generasi muda. Dengan adanya program keagamaan yang berstruktur dan melibatkan pelbagai peringkat umur, masjid ini menjadi platform untuk menyebarkan ilmu serta mendidik masyarakat agar terus berpegang kepada ajaran Islam. Di tengah-tengah arus globalisasi dan kemodenan, masjid berfungsi sebagai benteng yang memastikan tradisi Islam terus diamalkan dan dihormati.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dan latar belakang masjid yang telah memenangi anugerah masjid mukim terbaik di Terengganu. Bersama-sama kami ialah Safri Bin Aziz, yang merupakan salah seorang ahli jawatankuasa masjid ini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 Disember 2024 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 12 tengah hari bertempat di Masjid Baru Tok Jembal. Temubual ini dikendalikan oleh Nik Ahmad Fathulbadri Bin Nik Zulhaiza dan Muhammad Shakir Aniq Bin Mohamad Najip. Dengan segala hormatnya, temubual ini dimulakan.

Penunjuk:

NAFNZ : Nik Ahmad Fathulbadri Bin Nik Zulhaiza
ESA : Encik Safri Bin Aziz

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NAFNZ : **Jadi soalan pertama, apakah nama penuh dan nama gelaran encik?**
ESA : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih [berfikir] pengacara, jadi untuk nama penuh saya adalah Safri Bin Aziz. Nama Safri Bin Aziz. Tapi di sini dalam kalangan jemaah *ni* [ini], orang panggil saya cikgu [berfikir] [sahaja], panggil cikgu. Sebabnya biasanya nama cikgu ni *mudoh* [senang] ah orang ingat. Nama, nama betul dia *payoh* [susah] *skit* [sikit].

NAFNZ : **Berapakah umur Cikgu Safri?**
ESA : Umur saya sekarang *ni* [ini] masuk tahun lahir umur saya sekarang.

NAFNZ : **Dimanakah Encik Safri tinggal?**

ESA : Saya tinggal di
dekat area [kaw
Melayu].

NAFNZ : Berapakah bilangan adik-beradik dan Encik merupakan anak yang keberapa?

ESA : Untuk adik beradik tu saye

NAFNZ : Okay [baiklah], bolehkah Encik berkongsi mengenai latar belakang adik-beradik,

ESA :

NAFNZ : Apakah status perkahwinan Encik?

ESA : Status perkahwinan? Berkawin ah. [Berfikir] saya dah kawin.

NAFNZ : Pada tahun bilakah Encik berkahwin dan berapakah usia Encik ketika itu?

ESA : Saya kawin umur masatu [ketika itu]

NAFNZ : Adakah isteri Encik berasal dari negeri yang sama?

ESA : Tak. Isteri saya berasal dari Kelantan.

NAFNZ : Jadi berapakah bilangan anak Encik?

ESA : Anak saya [berfikir] yang ada sekarang ni

- NAFNZ** : Apakah pekerjaan Encik sekarang atau sebelum bersara, jika sudah bersara?
- ESA** : Saya sekarang ni [ini] saya masih bekerja di jawatan saya adalah sebagai pesyarah di unit kurikulum di IPG [Institut Pendidikan Guru] Kampung Dato' Razali Ismail.
- NAFNZ** : Jadi sudah berapa lama Encik bekerja sebagai pensyarah?
- ESA** : Bekerja tahun *ni* [ini] masuk hampir 28 [dua puluh lapan] tahun saya berkhidmat di sana.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

- NAFNZ** : Okay [baiklah], untuk section [bahagian] seterusnya latar belakang pendidikan tokoh. Jadi, bagaimanakah perjalanan kerja encik dari SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sehingga menjadi seorang pensyarah?
- ESA** : Baiklah, [berfikir] saya, pada tahun '85 [1985] saya ambik SPM di Sekolah Menengah Sultan Omar di Dungun. Saya duduk di asrama lah. Lepastu, saya dapat tawaran naik ke tingkatan 6 [enam] di Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah, SMKTIZ di Dungun jugok. Lepastu saya, lepas STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] saya ditawarkan ke Universiti Utara Malaysia Kedah, Sintok Kedah. Dan selepas saya menamatkan pengajian saya dalam bidang ekonomi, saya ambik bidang ekonomi, kemudian dari situ saya memohon untuk daripada dulu dia panggil KPLI [Kursus Perguruan Lepasan Ijazah] di Sultan Abdul Halim, Sungai Petani. Sekarang *ni* [ini] IPG [Institut Pendidikan Guru] Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani. Di sana saya [berfikir] buat setahun diploma pendidikan. Kemudian saya di posting kan di SMK Sapulut Saboh [Sabah]. Di Kudak Sabah sana lah. Tapi semasa saya di dalam KPLI [Kursus Perguruan Lepasan Ijazah] *tu* [itu] masa saya *belajar* [belajar] saya telah ditawarkan untuk menjadi pensyarah. Masa *tu* [itu] transisi daripada sijil perguruan kepada diploma perguruan, maknanya pensyarah-pensyarah perlu ada satu *eve* / [tahap] lebih tinggi. Maknanya dari

dulu kalau sijil cikgu perlu ada diploma *jelah* [sahaja lah] tapi bila kita nak keluarkan diploma ia memerlukan pensyarah yang ada ijazah. Jadi Alhamdulillah masa *tu* [itu], saya mendapat apa *ni* [ini] *best student* [pelajar terbaik] masa dekat KPLI [Kursus Perguruan Lepasan Ijazah] tu. Dan saya terus ditawarkan untuk menjadi pensyarah lah. Jadi bermula tahun '96 [1996] saya ditawarkan dan ditempatkan di masa *tu* [itu] Maktab Perguruan Kuala Terengganu. Sekarang *ni* [ini] dipanggil IPG [Institut Pendidikan Guru] Kampus Dato' Razali Ismail. Itulah perjalanan kerjaya saya lah.

NAFNZ : **Jadi apakah yang mendorong Encik untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?**

ESA : Sebab bila saya tengok dalam keluarga saya dalam keluarga biasanya bila lepas masa dulu SRP [Sijil Pelajaran Rendah] ni, lepas SRP [Sijil Pelajaran Rendah] dah boleh *keje* [kerja] dah. Ada tawaran untuk SRP [Sijil Pelajaran Rendah], biasanya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] lah. Bila SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *tu* [itu] dah boleh jadi. Tapi saya tengok [berfikir] bila kita kita nak ubah satu satu kehidupan keluarga kita *ni* [ini] dia dengan ilmu lah ataupun dengan bekerja dalam pendidikan macam kita *ni* [ini]. Terutama macam masyarakat kita, biasanya kita tak pentingkan tentang pendidikan. Tapi sebenarnya bila kita lihat, pendidikan *tu* [itu] lah mengubah persekitaran keluarga kita [berfikir] dari segi [berfikir] masyarakat dan saya ingat bila dalam keluarga walaupun saya *takde* [tiada] adik-beradik tapi saya ada sepupu-sepupu sedara saya, pakcik-pakcik saya bila dia lihat saya berjaya masuk ke menara gading dia satu perubahan dalam keluarga kami dan kampung *tu* [itu] diorang rasa "eh kalau saya *ni* [ini], safri *ni* [ini], budak biasa boleh masuk" maknanya ada peluang untuk orang lain. Alhamdulillah, saya tengok sekarang *ni* [ini] di peringkat adik-adik saya pun ramai yang dah, boleh dikatakan dalam satu keluarga *tu* [itu] ada lah yang akan masuk universiti.

NAFNZ : **Jadi siapakah individu atau tokoh yang memberi inspirasi kepada Encik dalam bidang pendidikan?**

ESA : Dalam bidang pendidikan ni, macam saya bila saya ditempatkan di Kampus Dato' Razali Ismail, Dato' Razali Ismail tulah yang menjadi inspirasi saya,

sebab selalu dalam ucapan dia, dia beritahu dia orang *ulu* [hulu], orang kampung tapi dia boleh Berjaya. Sampai kalau kita masih ingat lagi jawatan terakhir dia adalah Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Razali Ismail ni. Dan saya suka tengok dengan gaya dia. Dia sentiasa positif dengan sesuatu kerja. Bila kita dapat satu kerja tu, dia akan buat secara positif. Kalau dia boleh buat, saya ingat lagi *kat* [dekat] arwah mak saya kata, "kalau orang lain boleh buat, kenapa kita tak boleh Buat?". Jadi saya ambil pendekatan beliau lah untuk saya terus bekerjaya dalam pendidikan ni lah.

- NAFNZ** : **Apakah peringkat pengajian tertinggi Encik?**
ESA : Setakat *ni* [ini], sarjana. Saya buat sarjana pendidikan di Open University.
- NAFNZ** : **Apakah pencapaian akademik Encik yang paling membanggakan?**
ESA : Pencapaian akademik? Saya *takde* [tiada] lah. Sebab saya seorang pelajar yang biasa. Tapi bila saya masuk KPLI [Kursus Perguruan Lepasan Ijazah] *tu* [itu], dan saya bagitau kawan saya. Setelah kita berdua ni, buat gila lah kan. Saya kata saya nak cuba buat yang saya nak buat apa pun, semua saya buat kata. Dan Alhamdulillah, saya telah dicalonkan sebagai *best student* [pelajar terbaik] untuk ambilan tahun '95 [1995] – '96 [1996]. *Lepas tu* [selepas itu], saya dah dianugerahkan sebagai pelajar cemerlang, batch untuk satu KPLI [Kursus Perguruan Lepasan Ijazah] *tu* [itu] lah.
- NAFNZ** : **Jadi, sebagai seorang pensyarah, apakah cabaran Encik ketika menjadi seorang pensyarah?**
ESA : Cabaran pensyarah ni bagi saya lah, Sebab saya sebenarnya mula-mula saya masuk dulu, saya ditempatkan di Jabatan Matematik. Mengajar subjek Matematik. Di situ cabaran dia ialah sebab subjek matematik ni, subjek yang orang kata memang phobia bagi kebanyakan pelajar lah. Jadi, saya kena ajar subjek yang agak sukar lah. Tapi, itulah cabaran saya, saya nak cerita kat pelajar saya benda tu nampak yang *real* [sebenar]. Contohnya macam subjek kalau dulu panggil apa? pembezaan pengameran *tu* [itu]. Dalam Add Maths [Matematik Tambahan] kan, kalau kita tengok, kita belajar untuk dapat jawab kan? Tapi, kita tak tahu apa kita belajar. Tapi, bila kita nak terangkan,

contohnya bila kita benda tu sebenarnya kita aplikasikan. Contohnya kita nak cari, adik ipar saya dia baru perasan buat apa nak cari Ohm ataupun elektrik kan? nak masa berapa nak ke wayar berapa. Rupanya di situ dia kata dia baru tahu kenapa dia belajar Add Maths [Matematik Tambahan] dulu. Yang pengamiran nak buat bentuk, saiz, isipadu, berapa liter. Itu kalau anda perasan, kita belajar dalam pengamiran. Dia cari bagi bongkah perkisaran *tu* [itu]. Satu, nak cari luas isi padu. Satu benda *tu* [itu]. Rupanya, itulah kita belajar. Bila kita duduk dalam industri. Lepas *tu* [itu], baru kita tahu kenapa kita belajar benda *tu* [itu]. Tapi, masa sekarang kita memang tak gunalah. Itulah antara cabaran. Tapi macam saya, saya suka dengan cabaran. Sebab kawan saya kata, “kita selepas 10 [sepuluh] tahun”, saya tukar bidang, saya *ngajor* [mengajar] subjek-subjek yang berkaitan dengan pendidikan jasmani. Saya *tukor* [tukar], duduk pendidikan jasmani. Belajar untuk olahraga, untuk bersukan. Sebab, saya suka dapat ilmu baru. Jadi, bila daripada matematik. Saya dah pindah kepada subjek pendidikan jasmani. Jadi, di situ saya belajar baru. Daripada zero [kosong], saya belajar balik macam mana. Dan *lepas* [selepas] 2 [dua] tahun, saya ditawarkan untuk duduk unit kokurikulum. Unit kokurikulum *ni* [ini], dia subjek tapi dia kalau di sekolah dia bukan subjek. Tapi, di IPG [Institut Pendidikan Guru] *ni* [ini], dia subjek. Macam mana, kita nak menguruskan sesuatu program. Disitu dia memberi cabaran kepada saya, macam mana kita nak belajar berkomunikasi dengan orang ini? kalau bahasa kampung awak panggil *mende* [apa]? *Negotiation* [rundingan]. Nak *negotiate* [berunding] dengan orang *tu* [itu]. Macam mana kita nak berkomunikasi? macam awak lah nak *deal* [berurus] dengan saya. Yang *tu* [itu] kita akan ajar pelajar-pelajar kita macam mana nak berinteraksi dengan masyarakat. Itulah antara, saya suka dengan benda yang baru ni kita dapat belajar. Sebab orang kata “daripada buaian sampai liang lahad” *ni* [ini] kita takkan habis *belajar* [belajar]. Yang tulah, kalau kita duduk tempat sama, kita akan rasa dah habislah. Kita dah pandai dah. Mungkin awak tak pernah jumpa. Pernah jumpa tak istilah *ni* [ini] “semakin kita belajar, semakin kita akan rasa bodoh”. Hanya orang bodoh saja yang rasa dia pandai. Sebab kita akan jumpa benda baru. Macam awak dalam teknologi kan? *version* [versi] berapa *version* [versi] banyak *dah* [sudah] keluar. Saya ingat kalau dulu saya belajar tentang Lotus. Awak tak pernah jumpa kan? Lotus, D-base tentang komputer. Sekarang *ni* [ini] macam Lotus *tu* [itu] lebih kepada sekarang *ni* [ini] Excel. Itu dia perkembangan lah. Sebab *tu* [itu] kami kalau

sekarang *ni* [ini] apa yang kami belajar sekarang *ni* [ini] kami tak boleh nak ikut dah. Sebab makin laju dia punya teknologi. Okay?

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGENALAN MASJID

- NAFNZ : Jadi untuk *section* [bahagian] seterusnya, pengenalan masjid. Jadi di manakah terletaknya Masjid Baru Tok Jembal *ni* [ini]?
- ESA : Masjid Baru Tok Jembal *ni* [ini] macam awok [awak] tengok lah. Dia sebenarnya, dia terletak di kalau orang kampung kata “dia depan sekolah [sekolah] lah” sebab dia ada sekolah [sekolah] depan. Sebenarnya dia Tok Jembal ini dia ada dua masjid. Masjid lama yang dia duduk tepi pantai. Yang ini, masjid ini selalu orang Panggil Masjid Baru Tok Jembal lah. Sebab diorang [mereka] confuse [mengelirukan] dengan masjid lama. Tapi sebenarnya nama masjid ini Masjid Baru Tok Jembal. Yang pantai itu ialah Masjid Pantai Tok Jembal. Itu masjid orang kampung lah. Masjid yang dibuat daripada kayu lagi lah. Dan masjid ini sebenarnya dibina atas tapak, dulu ada kilang papan disini. Sebenarnya, dulu ada kilang papan, kilang hutan, kawasan-kawasan kilang lah sini dulu. Tapi kilang dah tutup, tanah tu dan MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] ambik, MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] dirikan masjid sebab masjid *kat* [dekat] pantai itu memang tak mampu nak tampung. Bila berlaku perubahan kepada UMT [Universiti Malaysia Terengganu], daripada UPM [Universiti Pertanian Malaysia] dulu. Mungkin awok [awak] tak sempat *dok* [bukan] nama dia UPM [Universiti Pertanian Malaysia]. Dia UPM [Universiti Pertanian Malaysia] cawangan unit perikanan. Saya dang [sempat] dulu Universiti Pertanian dulu. Universiti Putra dia jadi UPM [Universiti Pertanian Malaysia], lepastu dia jadi KUSTEM [Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia] lepastu sekarang ini dia jadi UMT [Universiti Malaysia Terengganu] Universiti Malaysia Terengganu kan? Itu dia macam UNISZA [Universiti Sultan Zainal Abidin]. KUSZA [Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin] sempat lah?

NAFNZ : KUSZA [Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin] ayah sempat lah.
ESA : Oh ayah duk Kolej KUSZA [Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin] dulu sempat lah. Jadi bila besar *tu* [ini], dia jadi penempatan disini bertambah secara mendadak perumahan. Begitu juga kalau kat [dekat] belakang ni kalau ada tengok, padang golf, perumahan elit duduk sini. Jadi masjid *ni* [ini] didirikan, penempatan yang sekejap nak masuk tu. Kalau memang jumaat tu memang penuh *kut* [ikut] *luor* [luar]. Begitu juga dengan Masjid Pantai. Masjid pantai ini, kalau musim panas ini, kadang-kadang ada kaki lima *semayang* [sembahyang]. Ramai lah, ramai kan? Lepastu student-student [pelajar-pelajar].

NAFNZ : Jadi bilakah Masjid Baru Tok Jembal ni dibina?
ESA : Kalau kira bina *tu* [itu], lama jugalah saya pun tak [tidak] ingat lah. Tapi yang kami ingat, kami boleh guna ni, tahun 2009 kami boleh guna dah masjid *ni* [ini]. Waktu *tu* [itu] dia dah boleh *dibukak* [dibuka]. Sebab pembinaan dia tu, agak masa panjang *jugak* [juga]. Sebab dari segi kewangan. Sebab saya bila masjid *ni* [ini] siap begitu, kami tanya pejabat kami kenapa *takde* [tiada] pokok. Sebab dia masjid *je* [sahaja]. Bajet untuk landskap itu telah di dipindahkan kepada kos untuk membina masjid ini, untuk siapkan masjid *ni* [ini]. Dengan keadaan besi, sebab saya ingat seawal dulu besi pun masa dulu 700 ringgit [Ringgit Malaysia tujuh ratus] se [satu] tan patu [selepas itu] naik 1700 ringgit [Ringgit Malaysia seribu tujuh ratus] sekarang ini 2700 [Ringgit Malaysia dua ribu tujuh ratus] satu tan besi. Jadi kos untuk menyiapkan masjid ini, masjid ini makan masa 2 [dua], 3 [tiga] tahun. Jadi, kos itu sentiasa naik. Kalau tengok landskap ini, maknanya kita kena, jawatan kuasa jemaah-jemaah masjid dia guna duit sendiri untuk landskap.

NAFNZ : Jadi, siapakah yang mengasaskan Masjid Baru Tok Jembal?
ESA : Kalau nak beritahu pengasas itu, *takde* [tiada] sebab dia bukan masjid kampung. Kalau masjid kampung itu dia ada orang tua yang buat yang bina kan. Jadi Masjid ni ialah yang MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] lah yang serahkan dan yang sebenarnya mantan YB [Yang Berhormat] lah Tuan Haji Sapiang Ali. Saya cakap dengan dia, dia kata "saya mohon masjid ni masa saya jadi timbalan exco pembangunan". Bahagian

masjid itu dia jaga. Jadi, dia kata dia *mintak* [minta] satu masjid baru untuk kampung ini sebab dia nampak penambahan penduduk sekitar. Jadi yang kalau kiranya hasil usaha mantan YB [Yang Berhormat] itu lah. Haji Safian Ali ini, dia masa itu dia ada dalam komuniti dia mohon untuk masjid ini.

- NAFNZ : Dan apakah peristiwa bersejarah yang pernah berlaku di masjid ni?**
- ESA : Kalau yang besar lah, kalau macam kunjungan orang besar-besarkan tu ada Tuanku Mizan pun pernah sembahyang di masjid ini. Masatu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Zahid Hamidi pun pernah datang. Lepastu, Timbalan Menteri Sarawak, Fadillah Yusof. Pada dahulu Timbalan Perdana Menteri tu pernah sembahyang di masjid ini lah. Kalau penceramah itu yelah [iyalah], macam Ustaz Azhar ke, Ustaz Harun Din ke itu pun pernah datang. Maknanya boleh dikatakan penduduk-penduduk sini boleh tengok penceramah dekat TV3, semua dah datang kat sini dah.

- NAFNZ : Jadi bagaimana masjid ini dibiayai pada awal pembinaan?**
- ESA : Kalau pembinaan masjid ni dibiayai oleh MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] sepenuhnya lah. Kami jawatankuasa masa awal dulu, jawatankuasa masjid lama datang sini untuk *arrange* [susun] dengan jawatankuasa sedia ada memang *takde* [tiada] duit langsung. Mintak sumbangan daripada penduduk kampung lah. Macam kutipan tabung semua itu, untuk memudahkan. Sebab saya ingat mula-mula dulu nak beli *kipah* [kipas] angin pun berdahari yang sama dari masjid lama dia pindah sini dia guna gult dia sendiri dia dulu. Lepastu, buat kutipan jumaat tu baru lah bayar balik. Sebab memang kita takde apa-apa. Mula-mula dengan kosong betul.

- NAFNZ : Jadi apakah tujuan asal pembinaan masjid ini?**
- ESA : Jadi macam yang saya kata tadi, sebab tujuan asal dia ialah memenuhi keperluan masyarakat ataupun kawasan-kawasan pertambahan penduduk yang bertambah lah. Sebab kalau tengok sebelah sebab kawasan ni semua banyak perumahan. Dan yang terkini pun dia Tok Jembal sejahtera itu. Masuk *haktu* [yang itu] saya *taktau* [tidak tahu] yang tu. Sebab saya dipahamkan situ ada 150 keluarga.

NAFNZ : **Bagaimana reka bentuk masjid ini dipilih?**

ESA : Reka bentuk ni, yang kami sebagai jawatankuasa ni tak pasti sebab yang tu ditentukan oleh MAIDAM [Majlis Agama Islam Adat dan Istiadat Melayu] lah. Cuma bentuk ni kalau tuan-tuan tengok dia sama. Di Terengganu, batch [kumpulan] tu tahun 2009, 2008 ni dia akan bentuk masjid seluruh Terengganu ni bentuk dia akan sama. Cuma beza dia masjid ni lebih besar. Kalau tuan-tuan tengok, kalau balik dari Uitm [Universiti Teknologi MARA] Machang kan? Balik lalu ikut Sungai Tong. Tengok masjid Sungai Tong atas bukit tu. Dia sama je [sahaja] masjid ni. Cuma saiz dia kapasiti dia muat 500 orang. Dan kami ni boleh muat 1500 orang. Sebab masa tu YB [Yang Berhormat] Sapien lah dia minta untuk besarkan sebab dia dah tahu dengan pertambahan penduduk yang secara mendadak. Dua universiti berhampiran. Staff [kakitangan] dia sahaja ramai mana dah. Student [pelajar] ramai mana dah setiap universiti tu. Walaupun UNISZA [Universiti Sultan Zainal Abidin] ada masjid dia sendiri. UMT [Univerisiti Malaysia Terengganu] ada masjid dia sendiri. Tapi tidak mampu menampung pertambahan penduduk itu. Okay?

NAFNZ : **Bagaimakah masjid ini memperoleh dana untuk Pembinaan?**

ESA : Macam takdi [tadi] lah. Kalau kita tengok MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] lah dana dia.

NAFNZ : **Berapa lama masa diambil untuk masjid ini siap dibina?**

ESA : Kalau kita tengok dari segi perancangan cuma 3 [tiga] tahun lebih. Sebab kami daripada penduduk ni boleh tengok daripada luar lah. Sebab dia dah tutup zink kan keliling dia awal dulu. Tiap hari lalu kita tengok lah “bila la masjid nak siap”.

NAFNZ : **Apakah perubahan utama yang telah dibuat pada masjid ini sejak ia dibina?**

ESA : Antara perubahan dia dari segi kita tambahkan bilik lah. Sebab masjid ni dia ada satu bangunan di belakang. Kalau tengok dia ada tandas situ. Bangunan tu asalnya dia guna sama antara asalnya dia nak buat pagi buat kelas, malam buat kelas mengaji. Tapi telah diambil oleh Yayasan Terengganu untuk dijadikan tadika dia. Jadi bila dia ambil tadika bangunan tu memang jadi kat dia. Jadi dia yang kawal semua lah. Dan kami terpaksa buat satu bangunan baru, buat bilik lah. Sebenarnya dulu ada kawasan lapang. Kawasan lapang tu kita dah buat bilik untuk jadikan bilik Aktiviti, bilik mesyuarat, bilik itu buat kelas-kelas pengajian. Dan sekarang ni kita guna bilik itu jadi sepenuh masa lah. Kalau pagi buat kelas kuliah, malam buat kelas mengaji bilik itu. Antara kemudiannya kita *jugok* [juga] landskap pun kita *mintak* [minta] dulu kita *mintak* [minta] sumbangan orang kampung atau bagi pokok ke apa. Kita *mintak* [minta] sumbangan untuk beli pokok. Kalau tengok pokok-pokok tu, sebenarnya yang tu kita juga mohon dengan pejabat macam perhutanan untuk hijaukan sebab dulu memang kawasan ini memang panas sebab dia satu bangunan sahaja keliling padang.

NAFNZ : **Bagaimana proses perasmian masjid ini dilakukan dan siapa?**
ESA : Belum lagi ada rasmi. Setakat ni *takda* [tidak ada]. Sebab kita bergantung kepada pejabat agama lah. Dia akan tentukan nak buat majlis perasmian. Sebab saya dulu ingat bila sultan datang, ingat nak rasmi. *Takda* [tiada] Tuanku datang untuk *semayang* [sembahyang] je. Datang kali dua, *semayang* [sembahyang]. Waktu Timbalan Perdana Menteri, Zahid Hamidi datang pun waktu itu bulan ramadhan datang untuk semayang [sembahyang] solat tarawih. Alhamdulillah bila datang itu, dia kadang-kadang pembesar-pembesar datang ini dia bukan datang tangan kosong. Dia akan bagilah. Sikit duit macam, dengan duit tu kita boleh baiki bilik air, tandas.

NAFNZ : **Apakah cabaran yang dihadapi semasa pembinaan masjid?**
ESA : Tadi lah kos, bila perubahan kos. Dari masa buat kenaikan *semin* [simen], besi kan. Jadi landskap asal itu kalau saya tengok, landskap asal itu memang cantik lah. Tapi semua itu, duit itu telah di top up [tambah] untuk bina masjid. Jadi Alhamdulillah, masjid ini dapat disiapkan dengan, saya lihat ramai

jemaah-jemaah luar datang dia tanya “tak bocor ke?” dia tanya. Sebab sekarang ini Alhamdulillah, biasanya masjid besar [besar], dia akan berlaku kebocoran. Tapi Alhamdulillah masjid ini, setakat ini, dah hampir 15 [lima belas] tahun dah tak ada bangunan, tak bocor. Tepi tepi itu, adalah yang *crack* [merekah] tu, adalah bocor. Tapi bangunan utama dia, Alhamdulillah.

- NAFNZ** : **Apakah faktor-faktor yang mengaruhi lokasi pembinaan masjid ni?**
- ESA : Faktor mempengaruhi tadi lah. Kawasan ni macam tadi kawasan ini ialah kawasan tapak kilang. Yang ini adalah tanah hak milik kerajaan negeri lah. Mulanya dia berada di tengah-tengah, kalau tuan-tuan tengok di keliling ini semua ada perumahan daripada itu kita di tengah dan jalan utama. Macam kami, kami tak perasan lah. Tapi bila kita tengok pembangunan dia buat. Kalau tuan-tuan tengok, sekarang ni dia adalah laluan utama untuk orang lalu kut [ikut] drawbridge. Ni kalau pagi ini, kalau lalu ini, memang agak perit jugak lah. Sebab ni dah laluan orang daripada sana, dia takkan naik atas dah. Dia terus-terus ke bandar yang mana duduk kawasan-kawasan chendering bekerja sana. Dia akan ikut jalan ini.
- NAFNZ** : **Jadi, bagaimanakah masjid ini telah berkembang sejak ia dibina?**
- ESA : Berkembang tu saye [saya] rasa seronok la. Ramai bila saya tengok sebab masjid *ni* [ini] sebenarnya adalah masjid mukim. Masjid mukim *ni* [ini] masjid kampung *je* [sahaja]. Bukan masjid daerah tapi orang selalu, bila kita sebut diorang tak percaya eh, bukan masjid negeri? Sebab dia macam satu daerah dia ada masjid negeri. Yang maknanya pegawai yang bergaji penuh, maknanya iman adalah pegawai yang berjawatan tetap dan berpencen katakan. Pegawai agama datang,bilal dia ada semua staf semua. Tapi kami *ni* [ini] adalah masjid mukim yang Alhamdulillah. Bila perkembangan tu kita boleh tengok daripada awal, Daripada zero [kosong] tadi. Daripada mulamula kami bertindak sebagai jawatankuasa, sebab bila kita nak buat satu benda ni rezeki *tu* [itu] daripada Allah. Saya pun rasa tak tahu, Kadang-kadang tiba-tiba dia datang. Contohnya masa kami zero [kosong] duit *tu* [itu], kami tak tahu macam mana nak cari duit. Kami, tiba-tiba ada dua syarikat dalam telekomunikasi datang Untuk sewa *tapok* [tapak]. Satu *tapok* [tapak] di pasaran situ. Sebelah sana, yang *tu* [itu] RM1,200, Yang *tu* [itu] RM800.

Jadi kita dapat income kita RM2,000 sebulan. Jadi duit yang *tu* [itu] kita sebagai jawatankuasa dapat duit pengurusan. Bila kita dapat income *tu* [itu] RM2,000 sebulan maknanya, Kita dapat buat banyak, banyak bagunan lah. Sebab kita dapat basic *je* [sahaja]. Contohnya... Err, Apa, Mimbar. Mimbar kalau tengok yang dukir, kayu semua *tu* [itu] dengan set *tu* [itu], mimbar tu tak silap saya dua puluh rasa *tu* [itu], Harga dia RM24,000. Kami bila dapat duit daripada jemaah, sumbangan jemaah daripada *tu* [itu] kita dapat. Kita buat tempat yang kalau tengok yang *tu* [itu] RM8,000. Yang apa ni? Yang kuliah *tu* [itu], meja kuliah *tu* [itu] Jadi antara tu kita boleh beli barang dengan set. Lepas *tu* [itu] bila kita kumpul, Kita dapat beli *kipah* [kipas] angin. Lepas tu, memang bising lah dan *kipah* [kipas] angin hujung, Bangunan besar, panas. Alhamdulillah, kita dapat tambah beli *kipah* [kipas] Giant *tu* [itu]. Giant fan *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu] bila dah tambah lagi. Seterusnya *tu* [itu] kerusi yang lain lah. *Dah* [sudah] ada duit lagi dapat pasang *aircond* [penghawa dingin] tadi. Kalau tengok sekarang *ni* [ini], *aircond* [penghawa dingin] dengan [berfikir] *PA system* [sistem pembesar suara] pun yang *latest* [terkini] sekali. Lepas raya, Sebenarnya kami minta [berfikir] karpet *ni* [ini] pasang sebelum puasa. Tapi sebab permintaan tinggi. Sebab kita punya bagunan ini besar, dia tempah tak cukup nak pasang bagunan ni [ini] yang karpet. Dia dapat siap selepas raya. Lepas raya dipasang. Dengan akhir sekali, kami dapat pasang karpet ini untuk kemudahan. Dulu, dah bayar lah lepas 12 [dua belas] ke 13 [tiga belas] tahun. Karpet *tu* [itu] nampak simen, bila kita sujud karpet tu simen, batu-batu. InsyaAllah, Alhamdulillah, sekarang ni saya tengok kita dah buat yang baru ni [ini] kalau nak tengok dengan pengerusi baru *ni* [ini], dia kata kita nak tarik jemaah datang. Pada setiap malam kita ada makan dan kita ada tempat kita buat masak dan setiap malam selepas Isyak, kita akan sediakan makanan Dan Alhamdulillah, kalau kita lihat perkembangan itu jemaah daripada 2 [dua] saf ke 3 [tiga] saf ke 4 [empat] saf. Sekarang ni [ini] kalau tuan-tuan datang, pada hari sabtu, malam ahad kita ada pasar malam. Kalau pasar malam itu, kita boleh dapat 6 [enam] saf. Maknanya orang datang pasar malam, membeli sambil itu bila orang azan maghrib, dia terus naik sembahyang dan satu lagi kalau pagi esok, kita ada pasar tani, yang itu kita buat perkembangan kita nak, supaya orang rasa masjid ni tempat semua. Kita ada pasar, itu yang jawatankuasa *dah* [sudah] usahakan dan kita nak buat macam nak buat pasar borong sebelah sana. Yang terbaru kita dapat tanah kubur seluas 6 [enam] ekar tapi 6 [enam] ekar

tu sekali nak tanam kan? Jadi kita akan guna 2 [dua] ekar untuk jadikan tapak kuburan dulu. Yang 4 [empat] ekar *tu* [itu] kita akan komersialkan dulu untuk dapatkan dana masjid. Sekarang ni [ini] kita sedang memohon dengan MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] untuk kita buat bangunan sementara. Jadikan dia sebagai pasar borong. Itu antara kita nak janakan pendapatan untuk masjid juga dan kita nak biar orang kampung rasa semua ada dekat masjid ni, ada yang cadang nak buat dobi. Itu dalam proses lah.

- NAFNZ** : **Apakah perbezaan utama antara masjid ini dan masjid di kawasan lain?**
- ESA** : Ustaz atau penceramah macam Ustaz Syed Nor Hisyam, dia mari sini itu, dia kata “Sini ada makan lepas isyak?”. Satu lagi, kami punya kawasan *parking* [tempat meletak kenderaan] yang luas. Padang yang luas, sebab tu kami boleh buat malam, tidak takut mengganggu jemaah datang buat pasar malam, kita akan buat depan sana gerai, yang *ni* [ini] orang *parking* [parkir] dan macam tahun lepas pun kami terpilih untuk jadi Madinah Ramadhan. Satu program tu 1000 orang sekali yang makan. Sebagiannya diberi air oleh MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] dan sebagian itu jemaah untuk makan sebab biasanya kalau datang sini boleh tengok, masjid biasanya masalah *parking* [parkir] kan? Di sini masuklah parking mananya, Di belakang kita boleh masuk, depan sana pun lagi kita boleh. Dengan ada bas pun boleh parking. Tak ada masalah. Itu antara yang kita boleh tengok.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: HAL EHWAL MASJID

- NAFNZ** : **Siapakah imam utama di masjid ini?**
- ESA** : Imam utama masjid ini ialah Ustaz Farizul Khari. Ustaz Farizul sebab [berfikir] Ustaz Farizul ini daripada [berfikir] nak kata mulia *taklah* [tidaklah]. 11 [sebelas] tahun lebih masjid ini buka, kami tawarkan ke beliau untuk jadikan imam masjid kampung ini Dia bersetuju dan [berfikir] sampai

sekarang dia menjadi imam. Kalau kira itu imam lah sebab dia paling lama di sini.

NAFNZ : Berapakah bilangan ahli jawatankuasa masjid ini?

ESA : Bilangan jawatankuasa masjid ini kalau jawatankuasa biasa sekitar dalam 17 [tujuh belas] orang.

NAFNZ : Bagaimana keputusan penting dibuat di masjid ini?

ESA : Biasanya keputusan penting ini kita akan adakan mesyuarat. Atau kalau yang untuk buat besar-besar, Atau kalau *ad hoc* [keperluan tertentu] itu biasanya [berfikir] pengurus akan maklumkan dalam Whatsapp grup, ada apa-apa berlaku. Dan di situ kita akan buat [berfikir] apa yang dikatakan istilah? Undi. Nak tahu siapa setuju atau tidak setuju. Tengok majoriti undi, setuju, Kita jalan [berfikir] sebab ada benda-benda yang *ad hoc* [keperluan tertentu] lah. Contohnya [berfikir] paling mudah lah, *PA system* [sistem pembesar suara], bila rosak, takkan nak tunggu mesyuarat sebulan. Macam nak baca azan? Bila rosak, buat baiki. Siapa *takde* [tiada] makanan? Biasanya benda-benda begitu, jawatankuasa akan setuju semua. Macam tadi dah saya kata, Kita nak buat [berfikir] kedai katakan, itu kena bincang. Jawatankuasa kena bentangkan kertas kerja dulu, tunjuk apa yang dapat. Dia akan bentang lah ada pendapatan hasil, keuntungan apa kepada jemaah, apa dapat kepada masjid dan yang tu kita akan lihat dan bila ada dua-tiga kertas kerja, kita tengok keutamaan. Sebab kita punya peruntukan terhad. Yang mana kita nak laksanakan. Jadi, yang itu kita akan cari. Kita akan bincang dalam jawatankuasa.

NAFNZ : Apakah peranan utama jawatankuasa masjid?

ESA : Jawatankuasa masjid ini, peranan utama dia ialah pertama kita akan lihat Macam mana program-program pengimaranan masjid. Lepas itu [selepas itu], macam mana kemudahan ataupun infrastruktur masjid ini, Kita nak jagajaga. Sebab itu ada jawatankuasa ini, Dia jadi macam tak *popular* [terkenal] sebab tak ada bangunan kata. Demi peruntukan yang ada, dia utamakan program pengimaranan masjid. Kita tengok macam mana sebab kita nak

memastikan bahawa masjid ini setiap 5 [lima] waktu memang ada azan, ada imam, ada jemaah dan kemudahan-kemudahan itu, dia maintain [mengekalkan] sebab selain pada imam, bilal yang bertugas, kita ada juga macam Ustaz Farizul Khari, dia pegawai masjid. Dia akan lihat supaya program solat lima waktu memang berjalan ataupun program ilmu lain, kuliah maghrib itu kalau ustaz-ustaz tidak ada, lepas tu dia akan *replace* [ganti] dengan ustaz-ustaz lain Supaya setiap malam tu ada program-program agama yang akan dilaksanakan.

- NAFNZ :** **Bagaimakah mesyuarat jawatankuasa masjid dijalankan?**
- ESA : Seterusnya akan bagi surat makluman, letakkan tarikh. Lepas itu, tengok siapa dapat hadir semua, dia akan buat undian tadi. Majoriti dapat hadir, dia akan buat ataupun kalau banyak awak yang tak dapat hadir pada tarikh tersebut, Dia akan letakkan tarikh lain. Biasanya dia akan tanya persetujuan dalam *group* [kumpulan] Whatsapp dulu supaya majoriti yang dapat datang, baru kita buat mesyuarat.
- NAFNZ :** **Dimanakah mesyuarat jawatankuasa masjid dijalankan?**
- ESA : Jadi kita akan buat di belakang, dia ada bilik-bilik mesyuarat atau bilik- bilik aktiviti itu.
- NAFNZ :** **Apakah cabaran utama dalam menguruskan masjid ini?**
- ESA : Cabaran utama dia ialah melayan karenah jemaah. (ketawa) sebab jemaah ni, terutama kalau masjid kami ini, kita ada beberapa, kita ada pakcik-pakcik memang orang kampung tu. Orang tua dia *relax* [santai], ada orang yang ada kereta, ada yang bos-bos, sebab ada datang sini, ada pengarah syarikat, Ada profesor dan orang yang atas-atas. Jadi, *diorang* [mereka] ini akan beri pandangan macam ini, macam itu. Jadi kita nak selarikan dengan orang kampung, dengan orang yang cerdik pandai, supaya kita bagi kemudahan yang seimbang. Contohnya kalau ini nak yang ini tapi orang kampung mampu tak nak buat benda itu. Jadi benda tu kadang-kadang kita buat program-program ini, Kita nak tengok benda tu yang adil lah Sebab adil ni subjektif. Bukan adil ini bukan utama satu pihak sahaja. Tapi kalau boleh kita

buat yang tu cabaran ini. Kadang-kadang pun sebenarnya *complain-complain* [aduan-aduan] ini sebab kadang-kadang benda itu bagi orang itu mungkin susah bagi dia. Itu antara kita nak melayan karenah jemaah semua kita itu lah untuk memuaskan hati mereka. Tapi [berfikir] biasanya kita akan bincang di mesyuarat yang mana lebih penting. Majoriti nak macam mana kita buat. Kita abaikan lah yang bagi cadangan, Kadang-kadang [berfikir] sesetengah orang itu dia suka beri cadangan,tapi bila kita tanya [berfikir] siapa nak buat? Takde siapa nak buat.

- NAFNZ** : **Apakah sistem pengurusan kewangan masjid ini?**
ESA : Sebab kita memang lantik seorang kerani kewangan lah, dia akan catat dalam buku tu *detail* [butiran], attentif. Cuma, bila bentang dalam jawatankuasa itu, dia akan ikut item, ikut berapa belanja utama. Detail tu dia akan masukkan lah. Kita ada bendahari masjid. Bendahari itu dibantu oleh kerani tadi sebab kita ada bendahari kewangan. Lepas itu, kita ada pegawai pengurusan, dua orang pegawai tu memang masjid akan bayar gaji *dorang* [mereka]. Itu memang kalau kira sepenuh masa yang bekerja itulah.

- NAFNZ** : **Bagaimana masjid ini memastikan Ketulusan dalam pentadbiran?**
ESA : Ketulusan dia biasanya kalau dari segi kewangan, kita papar pendapatan. Kalau tengok TV itu ada keluar pendapatan cuma keluar item yang kasar. Sebenarnya kami ada satu grup [kumpulan] masjid dipanggil ‘sahabat masjid’. Jadi dalam tu, siapa.tengok kalau ada tak faham apa, dia tanya. Jadi kalau Encik nak jelas, boleh jumpa dengan kerani akaun ataupun pegawai masjid untuk dapatkan detail. Kami tak boleh masuk benda-benda itu secara detail, kita masuk umum je. Jadi biasanya macam itulah, Nak penjelasan boleh datang. Kita bagi dan kita memang terbuka. Begitu juga dengan sistem kewangan lain. Macam peti besi kan,kunci peti besi dengan pegawai masjid, tapi nombor pin duduk dengan seorang AJK [Ahli JawatanKuasa] Keselamatan, atau BIRO Keselamatan. Nombor pin itu dekat dia. Peti besi itu sekurang-kurangnya dua orang yang jaga. Seorang pegang kunci, seorang nombor pin.

- NAFNZ** : **Apakah kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dana masjid?**

ESA : Kaedah yang digunakan, yang tadi dah. Kalau *jumaat* [solat jumaat] itu, kita ada satu tabung yang bergerak itu. Peti besi ni memang setiap masa. Begitu juga dengan QR code, Nombor akaun tu kita paparkan pada individu-individu. Kemudian, sebenarnya kita ada Facebook. Dalam Facebook tu, kita akan *highlightkan* [gariskan] nombor pin, nombor akaun, semua. Kadang-kadang, saya pun sendiri tidak perasan bila orang beritahu, kita dapat daripada online, banyak berapa ribu duit sebab individu yang datang ini. Sebab tu, kalau satu masjid ni, kita dapat perkhidmatan yang baik, Jemaah yang datang ini rasa seronok. Sebab jemaah-jemaah kita daripada luar datang ini dia akan sumbang dan kita tak tahu daripada mana datang semua tu. Itu antaranya, kemudian biasanya, hari Jumaat, kita akan umumkan apa nak buat. Katanya macam baru ini, yang terbaru kita umumkan untuk minggu ini, kita kumpul duit untuk kita hantar bantuan ke mangsa banjir di Tumpat, Kelantan. Jadi Alhamdulillah, kami dapat dalam RM5,000 jugaklah. Kumpul dana, inilah duit untuk orang. Jadi, mereka akan sumbang, ada yang beri barang, Saya difahamkan, sebab saya tak dapat *join* [sertai] hari itu, sebab saya buat program di sini. Yang pergi pengerusi, pergi dengan jawatankuasa yang lain. Saya nampak dua buah penderaan, bawa barang-barang, toto [tilam jepun], beras semua itu dan duit-duit sumbangan. Banyak jugalah kalau dengar sumbangan daripada luar. Kita umum, apa kita nak buat minggu ini? Katanya, sekarang ini kita nak buat apa? Kita sekarang ni, minggu ni, kita dah start dengan kutip untuk imarah ramadhan. Jadi sekarang ini, tabung ini kita dah ishtiharkan untuk program Ikhyar ramadhan. Bila biasa, kita akan umum macam itu, Kita akan dapat duit banyaklah. Kalau macam biasa, kutipan biasa contohnya dalam RM4000-RM5000 seminggu. Tapi, kalau tengok data anggaran masuk, kalau bulan April, bulan puasa ya kan? Saya tidak ingat. Kalau tengok tarikh itu ada satu bulan tu, sampai RM15000, saya terkejut. Sebab kita buat ikhyar ramadhan, Kita bagi makan sekurang-kurangnya RM500 orang sehari makan. Jadi, duit tu kita uar-uar lah, Jadi, orang *infaq* [derma] lah. Masa masuk bulan Ramadhan itu, orang infaq sebab kita tidak tahu daripada mana masuk. Alhamdulillah, kita dapat melaksanakan program Ikhyar ramadhan yang diamanahkan oleh MAIDAM untuk kami. Buat [berfikir] yang apa ini? Madinah Ramadhan. Yang mana itu, memang setiap tahun kita buat lah. Macam itulah kita punya.

NAFNZ : **Adakah masjid ini mempunyai dana kecemasan?**

ESA : Dana kecemasan ini, sekarang ini memang kita ada lah. Duit simpanan kita cuma sekarang ini agak kritikal jugak lah. Contohnya macam baru ini, tahun lepas, *bil api* [bil elektrik] tidak sampai, tiba-tiba sampai RM20,000. Jadi, dana kecemasan itulah kita guna untuk bayar bil setiap bulan supaya tidak tertunggak. Jadi, difahamkan oleh bendahari, kita bayar secara ansuran RM10,000 sebulan sebab bila letak kos, bila guna aircond kena *cut* [potong] kos lah dalam RM8,000-RM10,000 sebulan itu *api* [elektrik] tapi bil itu tidak sampai sebab masalah berlakunya transisi jawatankuasa baru 2024 itu, jadi masa itu tidak ada siapa yang ambil. Tahu-tahu lepas transisi itu, bil itu dia tidak hantar jadi, sudah tidak tahu, tanya jawatankuasa yang lama, dia kata tidak tahu bil. Bila pergi *check* [semak] dekat TNB [Tenaga Nasional Berhad], sudah RM50,000 kena bayar. Tapi kita sudah buat surat semua itu untuk bayar RM10,000 sebulan.

NAFNZ : **Apakah sumber pendapatan utama masjid ni?**

ESA : Sumber pendapatan utama sumbangan orang kampung lah. Dana tabung tadi, Kemudian kita ada juga macam, tadika itu, dia bayar sewa RM1000 sebulan. Macam ada dulu, pencawang tu tiga tahun lepas itu dia sudah cabut balik, tiada lah. Sebab kami dapat pulih banyak lah. Ada yang bila tengok, Cerita-cerita tak bagus semua kita Jadi kita tunduk lah, macam mana nak jawab ini. Sebab kita tengok yang positif, Tapi dia kata kita nak subahat. Tapi tidak apa, sebab tu kita pun tak ambil lah. Semua tidak ada lah, RM20.000 sebulan.

NAFNZ : **Bagaimakah sumbangan derma diuruskan?**

ESA : Sumbangan derma tadi, macam saya sebut tadi kan, kita istiharkan. Kadang-kadang kalau tengok di tabung itu, kita tampal. Yang ini pengurusan masjid, yang ada ini tabung makanan. Kalau makanan itu ialah untuk kita top up [sedia tambah] pada makan setiap malam lepas isyak. Lepas itu, kita letak tabung *ngaji* [mengaji]. Tabung mengaji itu sebab kita tidak kenakan yuran sebelum ni kepada budak-budak yang mengaji itu. Lepas itu, kita buat tabung, tapi siapa ada duit lebih, dia masukkan dalam tabung itu. Duit itu kita bayar sagu hati kepada ustaz-ustaz yang mengajar itu lah.

- NAFNZ** : **Bagaimakah masjid ini menangani aduan daripada ahli jemaah?**
- ESA** : Aduan ini biasanya kita tengok keadaan dia, Kalau benda itu baiki benda ini kerosakan macam itu, kita akan bertindak lah sebab kita ada bahagian pembersihan dan ada seorang staf tu, dia memang kerja dia *check* [semak] mana macam mana lokal tersumbat ke, paip pecah ke, tandas itu dia akan check. Dia akan perbaiki lah. Kalau dia boleh buat sendiri ataupun dia panggil tukang *on the spot* [di tempat kejadian] untuk perbaikan itu. Kalau cadangan, kita dapat makluman dan kita akan cuba gerakkan. Kalau ada yang beri cadangan-cadangan itu yang biasanya pengurus akan jawab grup [kumpulan] Whatsapp itu, akan maklumkan benda macam ini sebab kadang-kadang semua orang tidak tahu, benda tu kita dah bincang nak buat. Contohnya, sebenarnya kita dah bincang, cuma kita tidak ada *priority* [keutamaan] yang mana kita kena dulukan. Padahal dengan peruntukan yang terhad ini yang mana kita nak siapkan mana dulu. Contohnya macam hari itu, bila buat madinah ramadhan, kita ada tandas yang sikit itu, tandas itu ada belah [bahagian] perempuan ada empat, lelaki ada empat tandas dan beribu-ribu datang orang itu, tapi kita kena buat *ad hoc* [untuk ini]. Kalau tengok ada tandas yang zink itu. Orang tanya kenapa macam ini? Kita kata ni *ad hoc* sebab kita nak tampung keperluan orang sebab macam hari itu, sebelum RXZ Member datang itu, Ustaz Azhar mari ceramah sini, Saya sendiri pun tak boleh nak sembahyang. Saya balik sembahyang dekat surau rumah saya. Dia sumbat sampai keluar sembahyang berjemaah, sebab masa Ustaz Azhar datang, dia ada geng [kelompok] ARC, *diorang* [mereka] datang penuh, khemah dengan makan. Sebab saya ingat masa itu, sebelum jadi pengurus, masa itu dia jawatankuasa biasa, dia kata tidak apa dia sponsor 10 [sepuluh] balang air. Lepas sembahyang, orang bising air tiada, macam mana masjid tiada air? Kita kata, target untuk lapan ratus ke sembilan ratus orang sekali sembahyang kan. Tiba-tiba datang sampai ke luar orang sembahyang. Lepas itu, bilik air sekarang ini, kita cuba buat tandas yang lebih baik. Sebab saya tengok sini terutamanya kalau musim *convocation* [konvokesyen] *family member* [ahli keluarga] akan datang. Kalau RXZ Member itu kita letak tarikh, kita buat Pahlawan subuh. Cuma masalahnya, Motor-motor ini, dia lepas subuh itu dia datang makan. Tapi nak

cuba tarik lah hari RXZ Member itu, lepas kaki lima itu diorang tidur sebab dia sayang motor [motorsikal] dia kan, parking tepi itu, dia tidur tepi motor.

- NAFNZ** : **Apakah kemudahan yang disediakan di Masjid Baru Tok Jembal?**
ESA : Kemudahan di sini tempat orang solat, penghawa dingin pun ada di sini kita guna. Lepas itu, dewan itu pula kita guna. Tadi pun ada orang tempah buat kenduri kahwin ke, akad nikah saja lah. Setakat ini kita tidak ambil lah, tapi ada cadangan, maknanya kita buat katering. Kita bincang dulu, kita bagi kemudahan guna tempat buat kursus haji, syarikat- syarikat bukan tabung haji punya. Tapi syarikat yang buat kursus umrah dan haji, dia guna kemudahan ini, dia bagi sumbangan bil elektrik, bil air gitulah. Kadang-kadang kelas yang dikendalikan dari pejabat Jabatan Agama macam dia guna kelas kita setiap pagi jumaat untuk SPI [Sekolah Pendidikan Agama] mengajar bahasa arab yang anjuran pejabat agama.

- NAFNZ** : **Apakah terdapat sukarelawan yang membantu operasi harian masjid?**
ESA : Setakat ini, harian masjid ini ada juga lah macam jemaah yang membantu sebab kita bersih tengok juga lah sebab kita suda ada. Sebab dulu kita nak pastikan masjid ini sentiasa bersih macam tandas itu memang kita gaji kan tiga orang bersihkan kawasan ini. Kemudian, kita ada Madinah Ramadhan, kita ambil bantuan sukarelawan daripada Tarbiah Jaya Rizal, UMT [universiti Malaysia Terengganu], ada satu *grup* [kumpulan] itu daripada ILP [Institut Latihan Perindustrian] ada datang bantu. Sebab macam selama ini, bila hari jumaat, program besar. Jadi untuk seribu orang makan memang jenuh [letih], kalau Kalau tak ada sukarelawan, kita tak tahu macam mana nak buat. Diorang datang, 20 orang kadang, untuk bantu kita dan lebih banyak jawatankuasa yang lain.

- NAFNZ** : **Apakah langkah yang diambil untuk menguruskan perosakan atau perbaikan masjid?**
ESA : Kita ada seorang staf yang akan bila kita dapat laporan, contohnya tandas rosak, Dia akan *check* [semak], dia akan pergi beli barang ,dia akan ganti. Kalau tak dapat ganti, dia akan cari kontraktor yang boleh baiki-baiki lah.

Biasanya, untuk masjid ni insyaAllah kita kadang-kadang baiki sahaja, tidak apalah. Kita pernah dulu, ada kontraktor yang lampu dalam 30 [tiga puluh] bji. Datang pasang, tanya berapa? Kontraktor “Tidak apalah buat sedekah sedikit”. Macam itulah. Alhamdulillah, dah setakat ini.

- NAFNZ** : **Apakah ciri-ciri keselamatan yang ada di masjid ini?**
- ESA : Ciri-ciri keselamatan ni, sebenarnya kita ada CCTV [Closed-Circuit Television]. Cuma sekarang ini kita kena *upgrade* [naik taraf] lah sebab CCTV [Closed-Circuit Television] itu sudah lama lah. Pintu *grill* [besi] pun kita ada tapi sebab dulu kita pasang, kita kunci. Tapi bila jemaah, sebab dia kata nak masuk *payah* [susah], kita pun buka. Sekarang ini pintu kita tidak kunci lah, kita cuma tutup. Sekejap waktu itu kita tutup. Cuma macam lampu limpah itu kita ada dan sebenarnya jawatankuasa keselamatan itu, ni rumah dia depan ini, Biasanya dia akan roda, dia akan perhatikan tengok Kalau pelik pada lain itu, dia akan maklumkan pada orang-orang lain datang. Macam itu lah.
- NAFNZ** : **Adakah masjid ini menghadapi masalah berkaitan dengan jumlah pengunjung yang terlalu ramai?**
- ESA : Setakat ni kita berhadapan dengan penduduk ramai sebab yang datang beramai itu bukan kata rutin. Sebab dia datang macam program macam yang motor itu, Ustaz Azhar datang, ramai datang sampai memang tiada muat masjid itu. Itu sebab kita tidak perlu nak besarkan masjid, cuma kita ada cadangan, kita akan buat macam *hall* [dewan] terbuka. Atap mungkin kita tarik dekat menara itu, tarik buka, bawah tu kita akan pasang lantai mozek sahaja. Sebab saya tengok benda ini, banyak masjid baru-baru sekarang ini macam itu. Kalau saya pergi Masjid Ajil itu, dewan utama dia kecil sahaja tapi luar itu, hall dia itu memang luas. Kalau orang nak datang kata seribu orang boleh masuk tapi terbuka macam itu. Kita dalam proses sekarang kumpul dana lah sebab sekarang ini dana kita dah *start* [mula] dengan bulan ramadhan ini kita fokus lebih kepada program pengimaranan masjid. Jadi, duit tu kita fokuskan situ dulu. Cari pecamah, cara nak buat aktiviti-aktiviti berkaitan dengan program pengimaranan masjid.

- NAFNZ** : **Apakah peranan pihak pengurusan dalam memastikan kebersihan dan keceriaan masjid?**
- ESA** : Kita memang lantik dua orang tukang kebun untuk memastikan bersih, potong kayu. Kalau tuan-tuan tengok kayu sudah potong. Kalau tengok kayu bahaya sahaja, diorang potong, bersih. Lepas tu dalam masjid ni. *Lepas itu* [selepas itu] dalam masjid ini, biasanya sekurang-kurangnya dua kali seminggu akan di vakum untuk sedut pasir kalau ada program besar, Lepas itu biasanya kita akan bersih itu untuk keselesaan jemaah kita.
- NAFNZ** : **Adakah masjid baru Tok Jembal ini Memiliki platform media sosial rasmi?**
- ESA** : Ada. Macam saya ini golongan-golongan tua ini dipanggil analog. Kalau nak alamat detail, kita boleh tengok dipaparkan dekat pejabat pun ada. Kita boleh tengok gambar Dan kita punya biasanya, kuliah-kuliah Maghrib, kita akan buat live [siaran langsung]. Kalau yang otai - otai macam Ustaz Halim Awang, kalau dia punya program itu, biasanya kita boleh tengok sebab Ustaz Halim Awang ini, dia ada *crowd* [penyokong] dia sendiri. Dia ada murid dia, Bila dia datang, jemaah-jemaah daripada masjid luar pun akan datang untuk dia ajar Fiqah. Jadi, orang-orang buat kitab datang.Tapi bila hari lain, biasanya jemaah-jemaah itu tidak akan datang. Biasanya, setiap Ustaz ini, dia ada crowd ia akan datang, ramai lah kita tengok. Kalau macam Ustaz Azhar datang, orang akan tahu sebab orang dalam alamat media sosial kan. Kita biasanya, kita ada lah.
- NAFNZ** : **Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Masjid Baru Tok jembal?**
- ESA** : Selalunya pengurus masjid. Ustaz Din. Dia pegawai masjid. Tanya dia lah. Nanti dia akan *contact* [hubungi] untuk detail.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: AKTIVITI

- NAFNZ** : **Apakah aktiviti keagamaan utama yang diadakan di masjid ini?**
- ESA : [Kipas berbunyi] Keutamaan kita ialah solat lima waktu. Alhamdulillah, setakat ini kita dapat laksanakan dengan banyak aktiviti-aktiviti. Daripada awal masjid ini dalam satu saf [barisan jemaah] setengah itu, tapi sekarang ini datang sampai enam saf. kalau waktu isyak itu, memang sampai enam saf lah. [berfikir] Daripada imam-imam lama, imam-imam kita ambil ramai dalam kalangan iman kita adalah ada yang *Hafiz* [penghafal Al-Quran], ada pelajar-pelajar daripada Mesir yang sudilah untuk menjadi imam di masjid kita ini. Sekarang ini mereka dah bekerja sebagai penjawat awam, ada yang bekerja di pejabat agama, ada yang bekerja bahagian murid di madrasah. Tapi, mereka masih lagi luangkan masa untuk sama-sama bantu kami, jawatankuasa ini untuk mengimarahkan masjid ini. Kemudian, Alhamdulillah setakat ini, kami dapat laksanakanlah setiap [berfikir] pada maghrib-isyak itu kita ada kuliah, ada yang kuliah mingguan. Ada yang, [berfikir lalu menggaruk hidung] ada yang bulanan, ada juga yang kita ambil secara jemputan lah. Pertama, kalau ada hari-hari kebesaran seperti macam Maulidur Rasul [hari Kelahiran Nabi Muhammad SAW], Israk Mikraj, kita akan jemputlah macam penceramah. Kadang-kadang, selebriti lah untuk memastikan kedatangan jemaah masjid ini semakin bertambah.

- NAFNZ** : **Apakah program tahunan yang diadakan di masjid ini?**
- ESA : [Kipas berbunyi] Program tahunan setakat ini kita berjaya laksanakan hari yang mengikut hari-hari kebesaran [berfikir] Islam, macam [berfikir] ibadat puasa ramadhan. Kita dapat buat daripada dulu, daripada 40 [empat puluh] orang kita sediakan makan untuk berbuka. Sekarang ini macam tahun lepas, Alhamdulillah kami [berfikir]. Masjid ini terpilih sebagai madinah ramadhan dan kami kena sediakan setiap hari itulah. Ada hari tertentu sehingga 1000 orang, daripada 500 hingga 1000 orang sehari untuk buka puasa. Itulah yang kita buat. Kemudian, ada juga macam raya korban, hari Maulidur Rasul. Semua hari kebesaran itu kita akan adakan aktiviti-aktiviti yang menurut kalender. Di samping itu, kita buat tambahan program - program seperti [berfikir] kalau-kalau biasanya solat, [berfikir] mengaji. Samping itu, hari rabu pun kita ada juga kelas mengaji, kelas Tadarus Al-Quran, tafsir Al-Quran. Yang itu biasanya kita buat di waktu petang lah. Selalunya setiap hari

khamis selepas Asar, ada satu kelas yang dimana tadarus atau tafsir Al-Quran. Yang itu memang program mingguan.

NAFNZ : Bagaimakah masjid ini menyambut bulan Ramadan?

ESA : [Kipas berbunyi] Macam saya sebut tadi lah, kalau ramadhan tahun ini, kalau tahun - tahun sebelum ini kita akan adakan majlis buka puasa setiap hari. Sekarang ini kami mempunyai kewangan yang terhad. Kami hanya mampu menyediakan untuk 40 [empat puluh] hingga 50 [lima puluh] orang sahaja untuk tampung berbuka. Sekarang, Alhamdulillah untuk tahun ini pun kami bercadang untuk buka puasa seramai untuk 50 orang dan di sini kami sekarang dah, bulan lepas kami dah melancarkan kutipan ikhyar Ramadhan. Samping itu juga, dalam bulan Ramadhan itu biasanya sepuluh malam akhir, kita akan buat program Tadarus, program Qiamullail dan kami sediakan makan sahur pada jemaah-jemaah yang itu tidak perlu balik lah, kita akan sediakan biasanya dalam satu orang, tengoklah pada hari-hari. Hari ganjil itu lebih ramailah berbanding hari biasa. Yang terakhir itu, begitu juga dengan program tadarus ini kalau dalam bulan ramadhan, bulan tadarus, [berfikir] kita ada beberapa kumpulanlah. Kalau *laki* [lelaki]ada kumpulan, yang *muslimat* [jemaah perempuan] pun, perempuan ini, yang muslimat lagi meriahlah sebab *diorang* [mereka] ini kebanyakannya suri rumah, dia buat waktu, [berfikir] waktu dhuha itu pun buat tadarus juga. Kalau lelaki ini biasanya tadarus lepas tarawih itu, dia buat tadarus lah. Alhamdulillah, biasanya, kita berjaya lah. Kita biasanya kita akan buat majlis untuk meraikan [berfikir] para jemaah yang menyertai ini, kita beri saguhati lah. Kadang-kadang kita beri cinderamata ataupun yang berkaitan. Lepas itu, Alhamdulillah setakat ini kita dapat kadang-kadang sumbangan daripada individu yang memberi dana untuk kita beri kepada jemaah yang terlibat dalam tadarus.

NAFNZ : Bagaimana masjid ini menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha?

ESA : [Kipas berbunyi] Hari Raya Aidilfitri biasanya kita sambut, [berfikir] Kita umumkan biasanya, kita akan sediakan jamuanlah. Lepas solat raya itu kita sediakan jamuan umat-umat terutamanya kanak-kanak. Kita akan beri rasanya kalau macam [berdehem] akhir-akhir ini kita ada perkembangan

macam pengerusi, dia [berfikir] mempunyai kewangan yang lebih kukuh daripada lain. Biasanya, dia akan duit raya untuk kanak-kanak. Dia akan pastikan bagi duit raya kepada kanak-kanak. Ini antara menarik minat ah kanak-kanak datang ke masjid. Selain daripada jamuan tadi, jamuan ini biasanya kita sediakan untuk 1000 orang makan dan walaupun tidak semua makan tapi ia satu majlis yang kita boleh merapatkan antara jemaah-jemaah masjid inilah. Dalam bulan ramadhan, biasanya kita akan buka kepada jemaah untuk masuk [berfikir] korban. Biasanya kita akan buat dengan [berfikir] tapi Biasanya tak banyak, kita akan buat dalam 4 [empat] ekor dalam masjid sahaja. Tapi, biasanya kita akan dapat daripada agensi-agensi yang akan hantar. Kalau dulu, kita pernah dapat daripada JAKIM, daripada istana negara dan kita dapat peruntukan masjid itu dapat capai, cecah 9 [sembilan] ekor lahir lembu korban.

- NAFNZ** : **Apakah program pendidikan agama untuk kanak-kanak di masjid ini?**
- ESA** : [Kipas berbunyi] Program agama setakat ini yang kita buat adalah majlis, [berfikir] kelas Al-Quran, Iqra', kita ada beberapa kumpulan iqra', mengaji. Yang ini, kalau untuk pendaftaran itu dalam, kita ada dalam [berfikir] 150 [seratus lima puluh] orang nama lah. Akhirnya, dari segi kehadiran itu yang biasanya dalam 50 [lima puluh] ke 60 [enam puluh] orang lah yang tetap hadir. Itu kalau biasanya kita akan selang-selilah dengan yang dewasa kita tidak nak kacau sebab kalau kadang-kadang ini datang memang meriah lah masjid ini [Berfikir] kita juga, kita akan buat juga macam Kem Bestari Solat. [Berfikir] Kita juga buat macam hari tertentu macam hari itu kita buat sukaneka untuk yang ngaji ini. [Berfikir] Kita buat hari sabtu hari itu. Kita cadang untuk tiga bulan sekali, setakat ini [bunyi orang batuk] kita cuba buat tapi keadaan cuaca sekarang ini kita tangguh dululah. Biasanya kita akan buat tiga bulan sekali atau empat bulan sekali kita akan buat sukaneka di mana [berfikir] kami guna sukarelawan daripada pelajar-pelajar IPG [Institut Pendidikan Guru] itu biasanya diorang akan *handle* [urus] lah untuk buat program sukarelawan, [berfikir] program sukaneka kepada kumpulan kanak-kanak yang mengaji itu. Di samping itu juga, kita juga buat macam *basic* [asas] lah, asas, [berfikir] kanak-kanak ini kalau nak kata fiqh tahu juga tapi kita akan buat macam kem yang mana ajar kanak-kanak dia tentang hukum halal haram dan yang terbaru-baru ini kita cuba buat untuk bersunat. Cuma

dari segi bersunat ini kita juga dapatkan peruntukan supaya [berfikir] target [sasaran] kami adalah golongan-golongan asnaf ataupun B40 [keluarga berpendapatan bawah RM4000 sebulan] dalam sekitar jemaah ini, anak-anak diorang ini akan dapat sunatan percuma dan sekarang kita cuba dapatkan peruntukan{bunyi batuk} daripada [berfikir] YB ke, daripada individu. Tarikh kami tidak dapat tentukan lagi lah sebab secara lisan itu , YB sudah bersetuju lah, berkhatan kerana fokus kami, kalau kami buka biasanya bayaran itu tu ada ramai yang mampu tapi sasaran kami ialah jemaah kami yang majoritinya, sekitar ini adalah nelayan yang bekerja sendiri kami cuba buat siapa yang percuma untuk mereka.

- NAFNZ** : **Adakah masjid ini mengadakan ceramah agama secara berkala?**
ESA : Ya, berkala itu memang ada lah, kalau setiap kita ada ceramah mingguan, ada juga yang bulanan. [berfikir] Lepas Itu [selepas itu], boleh katakan setiap waktu antara maghrib dengan isyak kita akan penuh lah sampai sekarang ini jemaah-jemaah yang otai-otai itu lama sudah tidak baca Yasin sebab malam jumaat pun kita ada kuliah. Begitu juga jumaat sabtu. Kemudian kita juga ada kuliah Subuh pada setiap hari minggu, iaitu pagi jumaat dan pagi sabtu lah lepas subuh dan kita ada jugak [berfikir] setakat ini kita ada satu lah yang tetap kuliah dhuha pada setiap Isnin di mana kuliah dhuha tu kita *synchronise* [selarikan] dengan [berfikir] pasar tani. Masa itu, lepas kita adakan pasar tani di tempat parking itu masjid ini kita sediakan setiap isnin pagi, [berfikir] kita adakan *tapok* [tapak] pasar tani dan Alhamdulillah, sambutan menggalakkan dan di samping itu, pada hari isnin itu juga kita adakan satu kuliah dhuha pukul 8 [lapan] hingga 10 [sepuluh] pagi atau 9 [sembilan] hingga 11 [sebelas]. Dua jam itulah. Ustaz akan bagi ceramah dengan kita buka speaker [pembesar suara] dekat luar, orang yang pergi pasar tani pun dapat dengar jugalah kuliah yang disampaikan kuliah dhuha itu.

- NAFNZ** : **Apakah peranan wanita dalam aktiviti keagamaan di masjid ini?**
ESA : Kalau wanita ini Alhamdulillah, kami ada beberapa, 3 [tiga] orang wakil muslimat dan Alhamdulillah, mereka ini aktif cuma dalam kalangan merekalah. Mereka ada kumpulan mengaji, dia ada kumpulan level/ [tahap], yang level tinggi, dia duduk satu kumpulan, yang

berbeza diantara mereka ini aktif terutamanya kalau bulan puasa, malam, pagi pun diorang pun buat. Katakan mengaji. Begitu juga mereka juga ada kumpulan yang *akang* [akan] pergi ziarah jemaah yang uzur, yang sakit ini, di mana dapat maklumat kalau muslimin-muslimat, biasanya kumpulan ini akan bergerak pergi buat majlis. [berfikir] Cuma taklah [berfikir] kita tengok video samalah. Cuma kami sekarang kami tidak buat sebab persekitaran ini orang ramai yang bekerja, mungkin diorang usulkan kalau sesetengah tempat buat [berfikir] macam bacaan yasin dari rumah ke rumah. Lepas itu dorang dah mula tapi tak ramai lagi setakat ini. [bunyi orang batuk] Mereka juga kena biasanya membantu tukang masak sebab masjid kami ini ada sediakan makan kan, ada makan-makan. Biasanya kalau macam bila kita nak pertama, kalau kita nak buat masak [berfikir] bubur lambuk ke, golongan muslimah ini akan bantu tukang masak untuk menyiapkan atau [berfikir] bawa datang bahan-bahan ataupun memasak untuk sediakan dan biasanya kita dalam bulan sekali, kita akan buat bubur lambuk yang diedar secara percuma kepada yang hadir lah.

- | | |
|--------------|---|
| NAFNZ | : Apakah keistimewaan yang disediakan kepada jemaah selepas setiap solat fardhu setiap hari? |
| ESA | Setiap fardhu kalau kita untuk, biasanya kita tak, dari segi kemudahan boleh masuk, [berfikir] pintu ini sentiasa terbuka waktu isyak, malam pun kita tutup macam itu biasanya untuk setiap jemaah itu, dia boleh datang nak-nak bertadarus ke, dia nak iktikaf ke, dia dibenarkan cuma dia boleh memilih ruangan-ruangan itu. Cuma kita akan dari segi penggunaan Aircond, kipas besar kita akan tutup lah. Individu ini mereka gunalah sekadar kipas yang ada sekitar ini dan mereka boleh [berfikir] duduklah sampai 24 [dua puluh empat] jam. Begitu juga macam dengan ada setengah pelajar, dulu juga ada datang menyiapkan tugas ini kan. Kemudahan itu kita kata, kena maklumlah cuma tak nak disalahgunakan sebab kalau diorang buat tugasan kena guna,[berfikir] ada kes-kes ini, pelajar ini datang-datang untuk main games [permainan video] sebab masjid sini ada kemudahan WI-FI. [bunyi batuk] [berfikir] Dulu kalau awal-awal dulu, kita tengok dekat wakaf itu, kita tengok orang ramai kita hati tak senang apa sebab tak datang sembahyang, diorang datang untuk kemudahan WI-FI. Kalau macam lepas Isyak, kita sediakan makan. kemudahan yang kita sediakan, ada makan |

minum, kita ada. Kemudahan lain macam [berfikir] kita ada dua [berfikir] yang air itu, Coway itu ada sediakan minuman untuk jemaah kita. Di sini ada tiga sekarang, kita juga buat [berfikir] air minuman, peti [berfikir] mesin-mesin minuman kita ada di belakang itu, dan [berfikir] hari itu kita buat juga [berfikir] kemudahan untuk jemaah [berfikir] macam gerobok rezeki itu kita letak tapi sebab kita [berfikir] kekurangan [berfikir] dari segi pengawasan menyebabkan disalahgunakan ada yang kami dulu, yang tak tahan diri ini kira macam sedikit lah dia pergi kutip gula-gula daripada masjid-masjid ini. Daripada masjid Nursalam dekat *market* [pasar] dia pergi kutip, datang-datang sini dia ambil. Sedih. Lepas itu, kami *stop* [henti] lah dahulu. Cuma kami sekarang ini yang kami ubah cara, kami fokus balik jemaah yang itu. Maknanya kita macam sebulan sekali ataupun bergantung kepada peruntukan kalau ada individu yang bagi, kita akan beli barang dapur itu, kita agih, kita tak buatlah gerobok, kita ubahsuai lah sebab gerobok ini kita nak *on the spot* [serta-merta] tapi bila dah salah guna, ada individu-individu yang salah guna, tak sampai kepada sasaran kita. Tapi sekarang ini kita [bunyi batuk] telah kenal pasti keluarga-keluarga yang itu, kita akan hantar barang dapur, *basic* [asas] lah. [berfikir] Bila macam beras, gula itu kita akan hantar ke rumah-rumah.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: KOMUNITI

- NAFNZ** : Apakah aktiviti komuniti yang diadakan oleh masjid ini?
- ESA** : [Kipas berbunyi] Aktiviti komuniti yang biasa kita buat kalau, [befikir] program gotong-royong yang di Terengganu ini. Lepas itu, kita buat kemudahan [berfikir lalu bunyi notifikasi] contohnya macam kelmarin yang baharu ini pemasang kanta, panggil soal syarikat itu datang, syarikat *optical* [optik]. Diorang datang dan tawarkan dua puluh. Baru ini dia tawarkan 20 [dua puluh] spek mata percuma kepada golongan-golongan asnaf sekitar kariah kita ini lah. Itu antara sumbangan yang kita bawa. Ada juga kita bawa juga [berfikir] macam awal tahun baru ini kita beri kemudahan kepada jabatan-jabatan [berfikir] kebajikan masyarakat untuk buat Hari orang OKU [Orang Kurang Upaya]. Dia buat program OKU [Orang Kurang Upaya], disitu ada panggil

kesihatan, buat pemeriksaan kesihatan dan juga bunga-bunga itu. Macam boleh tengok program-program lain, kalau dulu setiap tahun, [berfikir] tahun ini tidak tahu lagi lah atau akan datang, maksudnya, [berfikir] dulu pelajar perubatan UiTM [Universiti Teknologi Mara], dia akan datang sendiri untuk buat pemeriksaan kesihatan kepada orang kampung, untuk masyarakat atau komuniti. Lain-lain itu, kalau sebahagian besarnya kita buat aktiviti untuk komuniti lah.

- NAFNZ** : **Bagaimakah masjid ini mendekati golongan belia?**
- ESA : [Kipas berbunyi] Golongan belia kalau orang tengok, kita *basic* [asas] jelah. Kalau golongan-golongan belia ini, kalau penceramah, kita cari penceramah yang diminati oleh remaja contohnya macam Ustaz Azhar. Kalau kita panggil itu, memang dapat dan kita sediakan makan minum, biasanya remaja-remaja ini terutamanya pelajar-pelajar IPT, IPTA lah. Sama dengan UMT, UNISZA, tak pula kami boleh tengok lah bila kita buat macam setiap malam ada makan *time* [masa] tertentu diorang akan datang. Kadang-kadang pelajar dari IPG [Institut Pendidikan Guru], [berfikir] Yang institut pendidikan guru ini yang jauh itu pun kadang-kadang diorang datang [bunyi batuk] ke sini. Minggu ini kita uar-uarkan dalam Facebook apa menu dia. Jadi siapa yang nak masuk, dia datang. Jadi, kita tengok bila ada makan ini diorang kan datang lah. Itu yang kita selalu buat macam haritu, kita buat program santai bersama geng-geng RXZ member dan kita sediakan masa RXZ member haritu kita masjid ini sediakan, Kita buka untuk diorang datang dan subuh itu kita sediakan sarapan untuk diorang. Kita panggil Pahlawan Subuh RXZ member. Haritu juga, baru ini masa subuh kita buat [berfikir] Scooter [Motorsikal] pun kita panggil juga datang untuk datang sini. Yang RXZ itu, ada yang tidur sampai dekat kaki lima sebab dia tak tidur atas sebab apa, sebab dia sayang RXZ dia, dia tidur tepi RXZ dia, [ketawa] dia berhenti,[ketawa] dia tidur sebelah. Memang kita tengok pun [bunyi batuk] meriah. Kemudian, kita buat program santai, kita buat cabutan, cabutan-cabutan yang menarik seperti *helmet* [topi keledar], T-Shirt Y15 [motorsikal]. Haritu dalam tak silap saya 20 helai T-Shirt Y15 yang kita berjaya buat. Sebulan kami punya pengurus ialah presiden Y15. [bunyi notifikasi] Di parlimen dia ubah. Lepas itu, ada seorang lagi yang jawatankuasa kami itu dia adalah Scooter, jawatankuasa Scooter. Jadi buat benda itu dia tahu dah apa yang hendak. Alhamdulillah lah, masa kita buat

tu memang dua per tiga daripada kami adalah geng-geng remaja. Ada yang [bunyi batuk] dapat jawab itu dapat tanya lah “Ada motor [motorsikal] belum?” jawab seorang remaja “Tak Ada”. Tapi sebab nak T-Shirt Y15, hadiah helmet, glove [sarung tangan] kadang-kadang macam hadiah yang berkaitan dengan motor lah [bunyi barang jatuh].

- NAFNZ** : **Apakah projek sukarela yang dijalankan oleh masjid ini?**
- ESA : [Kipas berbunyi] Sukarelawan sekarang ini [berfikir] yang biasanya orang datang dekat kita ramai jugalah yang buat program sukarelawan haritu macam-macam bulan puasa baru itu kita dapat bantuan daripada pelajar-pelajar UNISZA seramai 20 orang untuk membantu kami menyiapkan [berfikir] juadah berbuka puasa itulah, daripada masak sampailah pinggan, kemudian basuh dan sukarelawan. Begitu juga kita buat kebanyakannya [berfikir] hari yang terdekat baru ini kita sendiri, kita pergi ke Tumpat, Kelantan untuk mengisi batuan banjir dan Alhamdulillah, kami dapat sumbangan daripada jemaah ini, kalau tak silap saya, duit sahaja kita dalam 5 [lima] ribu, 6 [enam] ribu. Kita hantar ke sana [berfikir] sebab sana kita pergi, kita jumpa dengan masjid sana. Kita pergi sana, [berfikir] saya pergi kuliah masjid itu, kami jumpa imam situ, untuk beri sumbangan, kita agihkan dulu barang dapurlah dan kita bawa buah pacuan 4 roda, kita bawa barang-barang utama macam selimut, makanan dalam bekas itu. Kita hantar ke sana itu, ke Tumpat, tempat teruk sana dan lain-lain itu. Kalau dari segi atas unsur hal Ehwal ini, kita juga menyediakan kemudahan untuk [berfikir] pengurusan jenazah. Cuma sekarang ini kita [berfikir] tidak ada ahli yang *ahli* [mahir] dalam memandikan jenazah dan kita dalam [berfikir] hutan. Kami ini golongan-golongan yang pekerja ini, sekitar ini jemaah kita ialah golongan-golongan orang yang bekerja, yang berpencen tapi sekarang ini baru kita nak hantar sebab {berfikir} ada jemaah yang otai-otai itu, yang kami cuma nak meramaikan lagilah tapi Alhamdulillah untuk macam mengebumi, kubur dekat situ semua dah ada golongan-golongan kampung ini ambil bahagian sebab memandikan jenazah ini hanya orang yang hati cekal lah, kalau tak cekal [berfikir] sebab pengalaman saya, untuk memandikan, untuk jadi bahagian pegang [berfikir] gayung ataupun bahagian jaga air itu bolehlah, tapi untuk junjung, membuang bahagian-bahagian itu. [berfikir] Kita dah

usaha, kita pernah buat kursus tapi tak ramai yang, yang tahu ramai tapi yang tampil ke depan untuk jadi *volunteer* [sukarela] itu belum ada lagi lah.

- NAFNZ :** **Bagaimana masjid ini menggalakkan perpaduan dalam masyarakat?**
- ESA : [Berfikir] Kalau perpaduan ini sebab majoriti kita rasanya boleh dikatakan penempatan orang Islam, orang melayu. Perpaduan cuma dari segi perbezaan yang kita tengok sini ialah pasal pendidikan lah. Ada yang tinggi, ada yang rendah tapi Alhamdulillah, bila kita buat program-program gotong raya bagi kita buat macam tempat-tempat membersih ini, kita [berfikir] macam saya sebut haritu, kita ada juga pasal kubur itu, kita bersihkan, gotong-royong, orang kampung datang. Jadi bila waktu ini *takde* [tiada] bezalah. Begitu juga macam mula-mula puasa, kita buat memasak sendiri, kita memasak itu yang mana nak datang itu, kita uar-uarkan kepada sesiapa yang berkelapangan untuk datang bantu memasak. Jadi di situ [berfikir] hubungan antara orang kawasan dengan ramai datang, sebab disini majoriti orang yang pendatang ini bukan orang *teganu*, [terengganu] orang Johor ada, orang Kedah, orang Pahang. Boleh kata seluruh Malaysia lah ada di sini. Sampai ke, ada jemaah saya itu berasal dari Indonesia pun ada, tadi dia dah lama pindah sini. Kalau saya tanya "Kamu berasal dari mana?". "Saya Indonesia". Jawab orang Indonesia. Tapi dia dah macam, orang kampung lah. Bila kita buat gotong-royong, ada macam ada gotong-royong, sembelih lembu macam nak buat jamuan lah, datang tolong. Jadi saya rasa dari segi, [berfikir] masjid inilah kalau kira, bagi saya berjaya lah untuk perpaduan masyarakat inilah tapi dari segi kaum itu belum lagilah sebab kita tiada bangsa lain yang ada di sekitar sini.

- NAFNZ :** **Adakah masjid ini terlibat dalam sebarang projek alam sekitar?**
- ESA : [Bunyi kipas] Rasanya kita memang dulu pernah buat benda itu. Sebab lepas PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] benda itu dah *stop* [henti] dan sebelum itu memang kita memang ada satu, [berfikir] nak kata macam rak lah, satu rak atau satu kabin di mana kita letakkan tiga, plastik, kertas, pepejal, besibesi. Memang [berfikir] setiap boleh kata, setiap hujung minggu akan datang [berfikir] satu syarikat yang ambil alat, barang-barang itu lah dan duit itu kita akan masuk dalam tabung masjid. Yang itu kita buka kitar semula contoh kita

akan buat tempat kitar semula cuma lepas PKP itu, benda itu dah *jem* [sangkut], syarikat tu pun dah tak datang. Kami terpaksa *stop* [henti] sebab kami tak tahu bila nak buat macam mana jadual pengambilan dia semua itu. [Berfikir] Zaman dulu memang boleh tengok lah kadang-kadang tak sampai seminggu barang-barang dah penuh. Kertas ke apa orang tak buang, orang malas, akan hantar sini. Diorang semua datang macam katil, cuma ada jugalah dua-tiga orang, kadang-kadang sampah biasa pun dia *gi* [pergi] sebab dia ingat situ mungkin situ, kita tak boleh salahkan jemaah kan. Mungkin dia suruh anak-anak diorang pergi buang sampah. *Budok* [Budak] ini dia tengok tempat buang sampah. Lepas ini, situlah tempat pengumpulan kitar semula sebab memang kita buat panggil syarikat. Lepas itu pulak ada kereta.

NAFNZ : Bagaimakah masjid ini bekerjasama dengan masjid lain?

ESA : [Berfikir] Dari segi kerjasama ini [bunyi batuk] memang kita sentiasa lakukan kerjasama terutama macam [berfikir] ceramah ini, kami sebenarnya ceramah-ceramah yang datang ini adalah dari imam-imam masjid sekitar. Kita ini *freelance* [bebas], imam kita pergi masjid dia, imam kita, [berfikir] kami disini antaranya Masjid Tok Beng, imam Masjid Tok Beng, Masjid Seberang Takir, Masjid Nur Salam, Masjid [berfikir] yang petronas punya, estet. Diorang datang sini, itu yang kami buat makan, dia akan jadi penceramah. Itu antara pertukaran imam-imam lah dari segi penceramah. Dari segi kerjasama biasanya kalau program-program macam [berfikir] yang membuat tarikan diorang bagi wakil nak buat program, dia kata waktu itu perlukan 10 [sepuluh] orang untuk buat program ini daripada masjid ini. Jadi kita hantar mana-mana jemaah kita ataupun jawatankuasa yang ada kelapangan untuk bantu buat program macam Kalau UNISZA buat program, biasanya dia akan hantar dan biasanya kita uar-uarkan apa aktiviti masjid lain pulak. Tengok masjid [berfikir] UNISZA nak buat apa, dia akan hantar surat sini maklum dan kita akan maklumkan kepada jemaah apa UNISZA akan buat, apa UMT akan [berfikir] melaksanakan program, apa-apa kita maklum kepada jemaah supaya jemaah ini boleh pergi kat mana orang boleh pilih ini [berfikir] sebab kadang-kadang macam UNISZA itu dia ada karnival besar-besaran sebab mereka boleh pergi. Itu antara yang kita, ada juga pengurus-pengerusi biasanya berbincang lah "Macam mana masjid kau dah buat?"

Macam mana masjid ini buat? Macam mana nak tarik?" Ini beri cadangan macam "Masjid saya *gini-gini* [macam ini]?" mereka berbincang. "Perkara itu bawa sini, macam mana kita nak buat dalam ini?". Kalau tengok benda tu menjadi saingenan, kita tidak akan buat tapi kalau benda itu, [berfikir] benda itu lagi bagus, kita akan buat lah. Contohnya macam, [berfikir] dari segi kita tengoklah kemudahan yang ada, yang saya tengok akhir baru ini adalah dia ada bilik khas untuk memandikan jenazah. Jadi, mungkin daripada masjid sana, kita akan bawa ke sini, setakat ini kita tidak ada lagi bilik mandi jenazah.

- NAFNZ** : **Bagaimana masjid ini membantu ahli jemaah yang memerlukan?**
- ESA** : [Berfikir] Yang memerlukan biasanya kita uar-uarkan kepada jemaah yang ada makluman. Biasanya daripada situ, Tahlil, Solat Hajat Dan itu, *just* [hanya] maklum kepada imam, bilal atau mesej itu, maklumat bagi bukiran siapa sakit, siapa yang nak jenazah, siapa jenazah ini, maklum boleh diuar-uarkan jangan *last minute* [minit terakhir] kadang-kadang bahaya kan, macam baru ini, imam dalam saf, diorang hantar mesej, masa itu imam tak baca kan jadi kelam-kabut jugak. Kiranya, ada orang mohon untuk solat hajat. Jadi benda itu pengurusan ini kadang-kadang sepatutnya yang *common* [biasa] ini beritahu kepada pegawai masjid lah. Pegawai masjid akan *take note* [ambil perhatian], buat catatan contohnya macam cuti sekolahkan, banyak orang nak guna masjid ini sebagai tempat majlis Khalifah. Jadi, kalau nak guna supaya tidak berlakunya pertembungan, orang yang datang berebut tempat pulak, dia dah ada susunan dah. [Berfikir] Untuk orang yang macam, yang ada masalah, boleh maklumkan masjid, masjid akan maklumkan dalam kami punya komuniti, kami akan tengok. Yang ini boleh buat *Business Partner* [rakan niaga], Insyaallah kita akan selesaikan secepatnya. Tapi ada jemaah datang, *direct* [langsung], dia tak dapat lagi duit, [berfikir] katakan dia dapat majikan, duit majikan, tapi dia perlukan duit untuk kerja [berfikir] hospital, jadi dia nak pinjam masjid. Jadi, kalau itu, biasa kita akan bagi, kita akan sediakan borang, dia isi untuk buat pinjaman duit. Kita tengok lah, biasa prosedur macam itu, kalau dia nak bayar, tidak bayar itu kita tak tahu lah. Tapi Tapi biasanya orang yang mohon itu memang kita kena pasti lah ataupun jemaah-jemaah pergi pinjam. Maknanya komuniti dia akan isi borang, nak pinjam macam-macam.

Biasanya, kalau dia tak bayar, macam mana Kalau dia tak bayar pun, kita kira halal lah. Sebab tu, cuma kita tak nak, terlalu mudah bagi dekat orang,takut orang ambil kesempatan.

- NAFNZ** : **Apakah tujuan utama pembangunan tanah perkuburan masjid secara percuma?**
- ESA** : [Kipas berbunyi] Tujuan kita masjid ini, kita nak bagi kemudahan kepada semua orang. Sebab dalam Islam ini kita nak memudahkan orang dan dia menjadikan [bunyi telefon] satu fardhu kifayah kepada kita. Jadi kami ini, jawatankuasa lagilah. Sebab itu ada setengah kawan saya kata, fardhu kifayah untuk orang, tapi kita kena tanam dalam diri kita ialah fardhu ain kepada kita. Maknanya benda itu wajib bagi kita untuk membantu. Jadi sebab itu dalam mesyuarat jawatankuasa, kita mohon tanah perkuburan ini supaya kita dapat memberi kemudahan itu secara percuma kepada masyarakat dimana kita bercadang untuk buat maknanya jenazah datang kat [dekat] sini kita mandi, kita *kapan* [kafan], kita *semayang* [sembahyang] dan kita terus hantar. Sebab tanah itu sebelah masjid je [sahaja]. Jadi tidak melibatkan kos yang banyak. Dan disini kalau [berfikir] prinsip kami, kami ada satu *team* [kumpulan] yang ditubuhkan untuk jawatankuasa tanah kubur. Dan kami sedang rancang sekarang ini benda tu adalah secara percuma. Cuma kita sekarang ini, kita *target* [sasarkan] kepada golongan-golongan yang berkemampuan untuk memberi sumbangan supaya kita dapat sediakan kawasan tanah perkuburan itu yang selesa dan cantik dipandang bukannya satu tempat yang menyeramkan.
- NAFNZ** : **Adakah masjid ini pernah terlibat dengan mana-mana syarikat penyiaran?**
- ESA** : Penyiaran setakat ini *takde* [tiada] lah. Cuma selebriti-selebriti daripada syarikat penyiaran ada lah datang sini. Kita sebenarnya masjid ini kecil je. Satu masjid mukim. Cuma [berfikir] bangunan tu *napok* [nampak] *besor* [besar], gah dengan kawasan yang luas. Ramai orang-orang, jemaah-jemaah yang *luor* [luar] datang dia tanya "masjid ini, mana pegawai?". Kami kata "tak sebab ni masjid mukim". Masjid mukim ini kapasiti dia 3 [tiga] orang imam, 3 [tiga] orang bilal. Tapi bila dengan keadaan masjid

yang ini dengan persekitaran *jemooh* [jemaah] yang proaktif yang selalu beri sumbangan, kita ada dana untuk kita [berfikir] sediakan pegawai-pegawai masjid, kerani masjid, [bunyi batuk] orang bersih, *amende* [apa benda] tukang kebun. Daripada dana-dana yang disumbangkan oleh *jemooh* [jemaah] inilah kita bantu menyebabkan masjid ini orang tengok macam masjid besar [besar]. Daripada situ, [berfikir] sekarang ni dalam *setaun* [setahun] dua ni populariti dia dah mula naik sebab bila datang *ceramoh-ceramoh* [penceramah-penceramah] ini ialah selebriti contohnya macam Syed Hisham Tuan Padang. Dia masukkan benda ini dalam Facebook. Bila dia masuk dalam Facebook ini, orang kenal. Heboh haritu bila dia masukkan satu poster jadual makan itu, orang kata “kelas masjid, ada *makang* [makan] tiap-tiap malam”. Jadi sebab dia ada *follower* [pengikut] pengikut dia. Jadi orang tengok macam “eh” jadi ramailah orang tanya “mana Masjid Tok Jembal?” dalam kalangan *diorang* [mereka] ini lah. Dan idea-idea diorang [mereka] ini ye [dia] buat cadangan sape [siapa] nak buat. Alhamdulillah, sebab itu tahun lepas kami dapat masjid terbaik negeri Terengganu, mukim terbaik negeri Terengganu. Dari situ, dimana kami, tapi kami kena lebih baik lah. Itu kata untuk mengekalkan kejayaan itu lebih sukar daripada mencari sesuatu kejayaan.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: HARAPAN DAN CABARAN

- NAFNZ : Terakhir, harapan dan cabaran. Apakah visi dan misi utama masjid ini?**
- ESA : Visi misi macam saya kata tadi, visi misi kami ialah nak memastikan bahawa masjid ini diimarahkan. Kalau boleh [berfikir] macam orang kata “subuh macam jumaat”. Kalau tengok macam mana masjid di Temerloh, macam mana masjid Al-Busyra di Kedah kan? [bunyi batuk] masjid di Kedah tu di Sungai Petani itu kan. Yang mana boleh buat. Jadi kami cuba kami nak jadikan masjid ini masjid untuk semua. Kita nak sediakan kemudahan. *Lepas tu* [selepas itu] kami mula cadangan, contohnya di tanah kubur itu kami ada seluas 6 [enam] ekar itu kami akan guna 2 [dua] ekar dulu untuk *tapok* [tapak] kubur, 4 [empat] ekar lagi itu kami akan cuba [berfikir] bangunkan. Yang itu kami mohon dengan MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu]**

lah sebabnya tanah ini bawah MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu]. Kami mohon dengan MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] untuk kami gunakan tempat yang kosong itu untuk kami komersialkan. Kadang *kalu* [kalau] nak buat lot-lot *keda* [kedai] macam pasar borong itu. Jadi bila buat pasar ini, sebab pasar ini tumpuan orang kan? Jadi bila orang datang *kat* [dekat] pasar ini [berfikir] sebab kami tengok kesan dia bila kita buat pasar malam. Bila buat pasar malam, orang datang pasar malam dia datang dia tak habis membeli tiba-tiba azan. Bila azan itu diorang [mereka] akan datang naik. Hat [yang] tu kita nok [nak] bila orang datang semayang [sembahyang]. Sebab itu yang kami *kate* [kata] yang daripada 2 [dua] saf 1 [satu] saf sampai 6 [enam] saf. Yang mana kita tengok aritu, bila *ari* [hari] *pasor* [pasar] malam orang datang *rama* [ramai]. Maghrib itu orang datang sampai 4 [empat] 5 [lima] saf orang datang. Hebatnya orang datang *sudoh* [selesai] *semayang* [sembahyang] *diorang* [mereka] turun balik sambung membeli. *Patu* [selepas itu] *kalu* [kalau] tengok maknanya kita kena sediakan *pasor* [pasar]. Sebab pasar ini jadi tumpuan. [Bunyi orang bercakap] sebab itu kita cadang kita nak buat [berfikir] pasar borong itu supaya maknanya pasar borong ni biasa subuh jadi ramailah orang akan subuh yang datang sini. Itu antara benda-benda yang kita lihatlah. Begitu *jugok* [juga] kita *nok* [nak] buat kemudahan-kemudahan lain macam dobi, *nok* [nak] buat [berfikir] basuh *kete* [kereta]. Basuh *kete* [kereta] ni sebab ada cadangan *jemooh* [jemaah] jawatankuasa *aritu* [haritu] bila basuh *kete* [kereta], dia datang kul 11 [sebelas], 12 [dua belas] *sapa* [sampai] *nok* [nak] basuh *kete* [kereta], *kete* [kereta] *dok* [belum] siap *agi* [lagi] bila orang azan dia akan datang. Jadi tempat dia ada, *patu* [selepas itu] kita akan kira kes lain dimana masjid ini dia datang tempat dia nak rehat, datang basuh *kete* [kereta], dia angkat barang *kat* [dekat] dobi, basuh baju [bunyi orang bercakap] sambil itu dia hantar *kete* [kereta] dia dekat dengan *tepat* [tempat] basuh *kete* [kereta] basuh. Lepah tu [selepas itu] kita ada *tepat* [tempat] makan dia ada kedai makan kemudian azan dia boleh datang. Jadi macam *one stop center* [pusat sehenti] dan insyaAllah kami akan kalau diizinkan dapat peruntukan kita cuba besarkan *wing* [sisi] depan ini yang *open* [terbuka] yang bukan tertutup yang *takde* [tiada] *aircond* [penghawa dingin] yang *open* [terbuka] dimana orang-orang musafir ini dia boleh datang dia berehat dekat *luor* [luar] tu ruang terbuka dan disitu juga kita cadang bila bulan ramadhan ni disitulah kita tempat kita guna untuk berbuka puasa. Dan

bila hari jumaat, kalau belah *aircond* [penghawa dingin] *hok* [yang] *nok* [nak] semayang [sembahyang] disitu kita boleh buat solat. Dan sekarang ini kita dapat sumbangan pada tandas kita dah tambah tandas. Tandas yang lebih baik. Tahun lepas kita buat tandas untuk 1000 orang *jemooh* [jemaah] sebab kami ada 4 [empat] tandas sahaja. Tandas perempuan ada 4 [empat] *laki* [lelaki] 4 [empat]. Kami *bukak* [buka] lagi yang sementara di belakang ada 4 [empat] di sana ada 4 [empat] itu untuk tandas *imang* [imam] lah. Alhamdulillah kita dah ada peruntukan untuk *nok* [nak] *wat* [buat] tandas kekal lah yang lebih baik yang dah ada di depan berdekatan dengan *tapok* [tapak] *pasor* [tapak] malam dengan [berfikir] *tapok* [tapak] *pasor* [pasar] tani. Jadi *kate* [kata] bila kita sediakan kemudahan-kemudahan ini saya harap [berfikir] benda ini dapat menarik *jemooh* [jemaah] untuk datang ke masjid ini lah.

- NAFNZ : Bagaimanakah Cikgu Safri melihat masa depan masjid ini?**
- ESA : Saya kalau *nok* [nak] tengok masjid ini dah lebih 15 [lima belas] tahun dan saya tengok Alhamdulillah dengan kehadiran *jemooh* [jemaah] sekarang *makin* [semakin] *bertamboh* [bertambah] bila kita sediakan kemudahan yang lain daripada awal dulu daripada kipas kat tepi ini kita ada dalam satu *setengoh* [setengah] *sof* [saf] kita *tamboh* [tambah] kita dapat peruntukan dana duit daripada *jemooh* [jemaah] sumbangan *jemooh* [jemaah] kita dapat sediakan duit *kipah* [kipas] *besor* [besar]. Selepas itu, ada orang cadangan suruh pasang *aircond* [penghawa dingin] kami kata "kami tak mampu sebab kami tak mampu nak bayar bulanan, bil bulanan terlalu mahal dengan sumbangan yang sedikit itu kami tak mampu". [Bunyi orang bercakap] Jadi kami membeli 2 [dua] *kipah* [kipas] angin *besor* [besar] *giant fans* [kipas gergasi]. Jadi [berfikir] bila dengan keselesaan yang bertambah ini jemaah semakin bertambah. Dan yang baru pada tahun 2021, 2022 baru ini dengan sumbangan yang *makin* [semakin] bertambah kita mampu menyediakan *aircond* [penghawa dingin], tambah *aircond* [penghawa dingin]. [Berfikir] Yang peringkat pertama kita *tamboh* [tambah] 10 [sepuluh] *lebah tu* [selepas itu] bila bulan Ramadhan sebab perempuan akan duduk di belakang [menunjuk arah ke belakang] jadi perempuan mesti *panah* [panas] sebab dalam ni *aircond* [penghawa dingin]. Jadi, kita [bunyi batuk] *tamboh* [tambah] lagi *aircond* [penghawa dingin] di belakang sana lagi 6 [enam] *bijik* [bijji] 3

[tiga], 3 [tiga] untuk *aircond* [penghawa dingin] tapi yang sana kita off [tutup] lah sebab *kalu* [kalau] sana kalau ada semua orang boleh *bukak* [buka] *takleh* [tak boleh] nak *control* [kawal] jadi kita tutup sebelah dalam *patu* [selepas itu] untuk bulan Ramadhan nanti ataupun majlis besar [besar] kita akan buka barulah dia boleh *bukak* [buka] semua.

- NAFNZ** : **Apakah rancangan pembangunan masa depan masjid ini?**
- ESA : Kalau ikut pembangunan masa depan ini, sekarang ini kita *nok* [nak] fokus pada *tanoh* [tanah] kubur lah. Cuma sekarang ini kita perlu dapat surat kebenaran daripada Majlis Agama Islam, MAIDAM [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu] itu untuk kita [berfikir] laksanakan apa yang saya sebut tadi tulah. Yang pertama, kita nak buat pasar borong, kita nak buat [bunyi orang bercakap] kiosk, kedai makan itu [bunyi kertas jatuh]. Kemudian kami juga bercadang untuk menyediakan kemudahan penginapan macam kemudahan itu untuk imam bilal kita lah sebab sebahagian imam bilal kita ini tinggal berjauhan daripada masjid lah. Jadi, ada yang duduk di Seberang Takir ada yang duduk di Gong Badak. Jadi, kemungkinan kita akan buat bangunan untuk kemudahan imam bilal ini dia berada sekitar masjid ini supaya kita dapat melaksanakan tugas dengan baik dengan kehadiran yang 100 [satu ratus] percent [peratus] lah sebab kadang-kadang lewat 10 [sepuluh] minit sampai. Bukan kata *musyakkoh* [halangan] dia dalam perjalanan dia jauh, bila jauh ada macam-macam lah. Pertama macam baru ini musim tengkujuh dengan keadaan hujan dengan apa itu menyebabkan berlaku *delay* [kelewatan] di perlaksanaan solat waktulah sebagaimana yang kita katakan 10 [sepuluh] minit selepas itu nok *qomat* [iqomat] kadang-kadang delay [lewat] lepah tu [selepas itu]. Jadi kita akan sediakan kemudahan, kalau sebelum ini kita dah sediakan di belakang bangunan ini dulu kita besorkan untuk bilik. Di bilik itu, imam-imam yang bertugas dia akan datang bilik tapi memandangkan imam-imam ini kadang dia ada *rumoh* [rumah] sendiri mungkin kita *nok* [nak] ambik peruntukan kita akan sediakan kemudahan. Kalau kita tengok macam di masjid utama macam Masjid Kristal dia ada kuarters ada imam kan? Walaupun kita masjid mukim tapi kita sasaran kita, kita akan bagi kemudahan macam masjid-masjid *besor* [besar] masjid negeri tapi dengan bantuan ataupun dengan sumbangan dana dari *jemooh* [jemaah] lah. Di samping itu juga, kami cuba mencari pendapatan

sendiri contohnya kita sekarang dapat daripada *pasor* [pasar] malam, *pasor* [pasar] tani [berfikir], bangunan yang disewa oleh tadika yayasan. Itu antara yang kita cari sendiri dan yang baru ni kita cuba dapatkan dana dengan kita buat homestay. Kita ambil 1 [satu], 2 [dua] buoh [buah] *rumoh* [rumah] kita sewa sebab bila *jemooh* [jemaah] tanya “*nok* [nak] sewa?” masjid *nok* [nak] sewa untuk buat homestay jadi kita dapat dengan harga yang *muroh* [murah] lah. Sebab saya tengok kebanyakan masjid-masjid menyediakan homestay. Kalau tengok Masjid Mengabang Telipot memang bangunan itu dia *tak* [tidak] buat sekolah tapi dia jadikan homestay. Begitu *jugak* [juga] dengan Masjid Seberang Takir. Boleh katakan biasa *tanye* [tanya] pegawai disana dia kata “memang setiap petang penuh lah, ada permintaan yang tinggi” sebab orang suka duduk pahtu kita pun nak buat macam tu jugok. Kita duduk sini, program agama ada maknanya dia akan *semayang* [sembahyang] maghrib. *Lepah* [selepas] mayang maghrib dia ada *ceramoh* [ceramah] *pahtu lepas* [selepas itu] isyak *pah* [lepas] isyak ada makan. Jadi, dia *tak* [tidak] kalut macam dia makan kat mana. Begitu juga dengan biasanya *lelah* [selepas] isyak biasanya kita sekarang ini kita tambah lagi dengan program baca Al-Mulk setiap malam kita jadikan itu budaya. [Berfikir] Maknanya budaya *jemooh* [jemaah] di sini bila selepas solat isyak dia *tak* [tidak] kalut-kalut *nok* [nak] balik dia baca Al-Mulk maknanya yang itu boleh makan dulu *lelah* [selepas] tu kumpulan kedua akan datang macam tulah.

- NAFNZ : Apakah perubahan yang Cikgu Safri ingin lihat di masjid ini?**
- ESA : Saya setakat ini kalau apa yang saya lihat ini dia berlaku perubahan dalam masa sehari *takde* [tiada] *takleh* [tidak boleh] nak *on the spot* [di tempat kejadian] lah tapi yang saya nak lihat macam tadi lah makin ramai golongan-golongan remaja ataupun kanak-kanak yang datang ke masjid ini sebab sekarang ini kita dah tarik [berfikir] yang saya seronok lihat ialah maknanya bukan golongan-golongan tua yang menguruskan masjid, golongan-golongan muda sebab saya tengok sekarang ini Alhamdulillah lah maknanya yang makin ramai lah golongan-golongan muda yang meneliti untuk menguruskan masjid ini. Sebab saya tengok macam jawatankuasa lain pun ada 30-an. Jadi orang ini aktif nak buat sesuatu benda itu sebab golongan muda ini dia kadang-kadang [berfikir] semasa. Macam kami orang tua ini, kami berfikir lama *doh* [sudah] dia berfikir apa kehendak semasa kehendak

remaja sekarang dia boleh memahami. Jadi macam mana nak tarik contohnya tadi lah kalau sebelum ni [berfikir] *takde* [tiada] pun kita buat "Pahlawan Subuh RXZ Member" sebelum ini kalau tengok geng-geng motor datang ini kita kira masaloh [masalah] tapi bila datang golongan-golongan muda yang duduk menerajui jawatankuasa masjid ini dia akan datang. Sebab apa? Dia datang tapi kita *switch* [tukar] dia supaya dia datang ke masjid, dia datang buat baik. Kita *tak* [tidak] boleh nak halang minta dia dengan motor tadi, biarkan. Jadi begitulah, kita teruskan sekarang ini orang terkejut kata "eh" kita siap dengan *banner* [sepanduk] "Welcome RXZ Member Pahlawan Subuh" jadi *diorang* [mereka] datang tapi bukan kita *nok* [nak] suruh semua terus datang tapi sekurang-kurangnya dia *dah* [sudah] mula datang. Macam pahlawan subuh RXZ Member yang datang dalam 20 orang yang datang Alhamdulillah lah tapi yang *sebenarnya* [sebenarnya] *lepas* [selepas] *kul* [pukul] 8 [lapan] lebih *kul* [pukul] 9 [sembilan] tu penuh orang datang sebab *diorang* [mereka] *tau* [tahu] disini [menunjukkan arah sambil tersenyum] kita sediakan nasi *lemok* [lemak] untuk sarapan. Ha takpelah yang itu tapi sekurang-kurangnya kita dah memulakan benda itu. Harapan untuk golongan-golongan muda ini dapat tarik apa lagi yang kita nak supaya masjid ini menjadi satu institusi tempat masyarakat berjumpa sebab kita tengok zaman Rasulullah dulu masjid lah satu-satu tempat dia disini tempat menyelesaikan [bunyi batuk] *masaloh* [masalah]. Nak selesaikan apa-apa di masjid. Itulah.

- NAFNZ** : **Bagaimakah masjid ini boleh meningkatkan lagi peranannya dalam masyarakat?**
- ESA : Dari segi dana lah sebab bila kita buat ini kami dapat bukannya daripada duit *jemooh* [jemaah] tapi duit yang kami kutip sebab masa dulu kami ada [berfikir] kami dapat 2 [dua] *tapok* [tapak] menara sewa selama 3 [tiga] tahun. Kami dapat dalam 2 [dua] ribu sebulan duit itu kami *tak* [tidak] guna begitu juga dengan rumah sewa ini kita dapat duit yang kita cari itu kita *tak* [tidak] guna sampai mencecah sampai 200 ribu. Jadi, orang bising mende [benda] apa *nok* [nak] buat. Jadi kami bila duit dah *banyak* [banyak] barulah kita buat sebab contohnya macam kita nak tukar karpet ini baru kami dapat *tukor* [tukar] sebab kos karpet ini ialah 140 ribu. Sebab itu, kita sebagai simpanan yang *banyak* [banyak]. Kalau ada *setengoh* [setengah] orang tanya "eh

bakpe [kenapa] masjid simpan duit *banyak* [banyak]? 2 [dua] 3 [tiga] ribu *doh* [sudah] lah simpan *hok* [yang] lain belanja lah". Sebab dia *doktahu* [tidak tahu] sebab bila masjid ini *besor* [besar] dia punya *maintenance* [penyelenggaraan] dia *besor* [besar]. Untuk membersih ini, daripada awal ini kami *tak* [tidak] tahu macam mana nak bersih. *Last-last* [akhirnya], bila jawatankuasa bincang-bincang kita terpaksa cari seorang pekerja untuk membersih. Alhamdulillah, masa itu kami tawarkan harga gaji 600 ringgit [Ringgit Malaysia enam ratus] bersih masjid dia sanggup. Jadi, setiap bulan kami habis dalam 2 [dua] 3 [tiga] ribu untuk *maintenance* [penyelenggaraan] kebersihan sahaja sebab bila masjid *besor* [besar] ini. Sebab itu, apa-apa pun kita nak buat ini kita memerlukan dana lah dana kewangan dan Alhamdulillah lah setakat ini kami dapat dana. Cuma kami sekarang ini *sebenarnya* [sebenarnya] daripada *hok* [yang] tadi bila *doh* [sudah] ada karpet apa itu kami sentiasa negatif sebab bila *dah* [sudah] pasang *aircond* [penghawa dingin] kan? Dulu kami *dah* [sudah] dapat maklumat itu tapi sebab permintaan kita terpaksa pasang. Bila pasang *aircond* [penghawa dingin] kami punya bil elektrik mencecah sampai 10 [sepuluh] ribu sebulan. Sedangkan dana kutipan kita setakat ini, mingguan kita hanya dalam 5 [lima] ribu 3 [tiga] ratus *gitu* [begitu]. Maknanya, sebulan kita perlukan [berfikir] kita dapat 20 [dua puluh] ribu tapi yang wajibnya dengan gaji, dengan elaun-elaun pembersihan, tukang kebun semua ini [buni batuk] kita habis dalam 14 [empat belas], 15 [lima belas] ribu setiap bulan. Sebab itu kami mengalukan maknanya orang yang berkemampuan ini untuk memberi sumbangan kepada kami untuk kami teruskan. Sebab kita dari segi pengurusan itu memang sangat *besor* [besar]. Begitu juga dengan kami memerlukan seorang kerani akaun sebab sumbangan ini datang dari berbagai kami nak hasilkan daripada sumbangan pengurusan masjid ke, pengurusan tanah kubur ke, begitu *jugok* [juga] dengan sumbangan untuk orang makan minum ini kita sediakan tabung infaq makanan. Kita ada *jugok* [juga] tabung apa ini tabung kelas mengaji. Kami ada *jugok* [juga] tabung untuk *sape* [sesiapa] *nok* [nak] infaq tanah kubur sebab tanah kubur ada orang tanya *jugok* [juga] "tanah kubur nak infaq macam mana?". Sebab setakat ini, duit itu kita boleh nak guna cuma kita *tak* [tidak] dapat surat lagi sebab *first* [pertama] sekali kami kena buat *pagor* [pagar] kami kata kami nak buat *pagor* [pagar] masjid ini supaya tidak ada gangguan lah haiwan *lior* [liar], orang ceroboh masuk *pahtu* [selepas itu] kita nak bersih kubur. Kita *dah* [sudah] ada peruntukan

cuma kita *tak* [tidak] boleh nak guna lah sebab sekarang ini macam tulah *nok* [nak] *gerok* [gerak] mana-mana pun sebab *takdok* [tiada] *doh* [sudah] *lenim* [sekarang] bukan *takdok* [tiada] betul *doh* [sudah] fisabilillah tapi dengan *fisabilillah* [di jalan Allah] itu kita kena bantu orang yang *fisabilillah* [di jalan Allah] itu *kan* [bukan]? Macam orang [berfikir] *nok* [nak] *gi* [pergi] menuntut ilmu, dia *nok* [nak] menuntut ilmu ada orang yang support dia dari segi kewangan. Sebab itu, kalau kita tengok dalam satu *kesoh* [kisah] apabila imam *besor* [besar], ulama *besor* [besar], mufti diorang [mereka] ini boleh masuk syurga tapi Allah *tak* [tidak] bagi pun *diorang* [mereka] masuk syurga lagi. Allah suruh ambik abang dia yang duduk kat *pasor* [pasar] itu masuk syurga. Malaikat tanya “kenapa duduk *kat* [dekat] *pasor* [pasor]”. Rupanya abang dia yang tanggung 3 [tiga] orang ini yang jadi orang hebat ini orang ini, orang yang *kat* [dekat] *pasor* [pasar] ini dia ini kena masuk syurga dulu sebab dia yang bantu orang ini jadi ulama *besor* [besar], *hokni* [yang ini] jadi imam *besor* [besar], *hokni* [yang ini] jadi mufti jadi orang hebat-hebat. Begitu *jugok* [juga] macam [berfikir] bila orang *nok* [nak] buat suatu benda, kita jawatankuasa ini kena fikir macam mana *nok* [nak] support diorang ini macam imam contohnya mana-mana *jemooh* [jemaah] yang pergi mesyuarat, wakil masjid kita akan bagi sagu hati 100 ringgit [Ringgit Malaysia satu ratus] atau 50 ringgit [Ringgit Malaysia lima puluh] sebab kenapa? Sebab dia dah terpaksa tinggalkan kerja dia contohnya *arini* [hari ini] dia *keje* [kerja] kampung nelayan dia *tak* [tidak] *peggi* [pergi] kelaut sebab dia nak pegi hadir mesyuarat. Jadi, pendapatan dia macam mana. Sebab itu terpaksa melalui sagu hati. Bila kita nak bagi sagu hati, dekat mana nak cari dana nya? [muka tersenyum]. Sebab tulah, apa-apa *jugok* [juga] kita perlukan dana. Sebab itu saya alu-alukan orang yang ada nak kata duit lebih *tak* [tidak] cukup mana tapi sama-sama membantu untuk mengimarahkan masjid.

- | | |
|-------|---|
| NAFNZ | : Bagaimakah masjid ini boleh terus relevan dalam dunia yang semakin moden? |
| ESA | : [Berfikir] Pertama orang tengok imam bilal lah, dari segi imam bilal kita sebahagian <i>besor</i> [besar] ialah yang dapat pendidikan ada yang ijazah. Bukan setakat jadi imam tapi boleh jadi penceramah yang boleh beri motivasi <i>kat</i> [dekat] orang. Kriteria itu kita akan ambik sebab itu biasanya kita <i>nok</i> [nak] kita akan temuduga dulu. Maksudnya pengurus dengan naib pengurus |

ini akan datang panggil ini temuduga orang *cate* [kata]. Contohnya dalam pengurusan, pegawai masjid. Nama *je* [sahaja] pegawai masjid tapi sebenarnya [sebenarnya] dia ini macam Ustaz Din ini dia adalah dapat pendidikan di Mesir dia boleh jadi imam, dia boleh jadi bilal. Maknanya kita nak yang *versatile* [serba boleh] gitu. Jadi orang tengok “eh golongan muda *versatile* [serba boleh]” jadi dia menarik minat orang tempatan dan *diorang* [mereka] ini punya pemikiran yang terkini. Jadi, dia akan buat orang tengok *penceramoh* [penceramah] yang datang ini kalau kita tengok kita punya *penceramoh* [penceramah] kadang-kadang *budok-budok* [budak-budak] muda yang datang. Lepastu, begitu *jugok* [juga] dengan kemudahan-kemudahan kita contohnya disini ada Wi-Fi, ada kemudahan yang dari segi penggunaan alat-alat tempat yang ruangan yang kita ada wakaf-wakaf. Biasanya, golongan muda ini dia segan nak masuk masjid dia akan duduk dekat wakaf dulu. Bila orang iqamat baru dia nak masuk. Jadi, kita bagi ruang. Kerusi-kerusi batu kita ada. Yang banyak-banyak kerusi batu itu kita *offer* [tawar] kepada *jemooh* [jemaah] sape [sesiapa] nak 180 ringgit [Ringgit Malaysia seratus lapan puluh] satu set. Jadi, *jemooh-jemooh* [jemaah-jemaah] akan volunteer lah bagi. Maknanya kita akan beli kerusi-kerusi batu untuk diorang santai lepak dengan kawan-kawan *diorang* [mereka] kalu *nok* [nak] kemudahan Wi-Fi ada, makan minum ada. Kalau boleh kemudahan ini lah kalau boleh datang tengok sendiri lah. Kalau bulan ramadhan, pencahayaan mungkin kita akan *upgrade* [menaik taraf] balik lah. *Banyak* [banyak] *doh* [sudah] mentol-mentol semuanya setiap pokok itu kita akan *letok* [letak] lampu-lampu kita buat macam taman. Dan pada bulan ramadhan, kalau sekarang ini trend kan? Orang *buке* [buka] *pose* [puasa] dekat *drawbridge* [jambatan angkat]. Sini pun ada *jugok* [juga] trend itu, kita pasang lampu keliling *diorang* [mereka] akan *hampor* [hampar] dekat padang itu *dorang* [mereka] buka *pose* [puasa].

- NAFNZ** : **Apakah nasihat Cikgu Safri kepada ahli jemaah baru?**
- ESA : [Berfikir] Kepada ahli *jemooh* [jemaah] baru, nasihat dia jangan segan-segan lah datang ini. Kita anggap ini *rumoh* [rumah] ini bukan hak milik jawatankuasa ini rumah Allah datanglah sama-sama mengimarahkan masjid ini sebab kami yang tua-tua ini *dah* [sudah] *tak* [tidak] lama *dah* [sudah]. Kalau kami *takdok* [tiada], golongan-golongan muda ini lah yang akan

menjaga masjid ini sebab satu orang kata kita nak tengok perpaduan kita ini orang tengok masjid. Kalau kita boleh macam tadi lah, kalau orang kafir dia kata “*tak* [tidak] bimbang dengan orang islam selagi orang islam *tak* [tidak] dapat penuhkan masjid, subuh itu macam jumaat”. Jadi itu saya seru kepada rakan-rakan, golongan-golongan muda ini *kat* [dekat] luar sana yang baru datanglah masjid ini. Buatlah masjid ini ialah sebagai masjid diri sendiri. Itu pengalaman saya sebab dulu sebelum jadi tua saya muda *jugok* [juga]. Memang segan saya tahu nak datang masjid ini segan duduk dalam gelap dulu bila orang iqamat masuk patu [selepas itu] bila salam kita lari malu sebab kita golongan muda ini malu nak buat baik. Itulah masalah tapi kena ingat datang masjid ini macam saya, saya pun nama baru sini saya bukan orang asal sini tapi sebab saya ingat masjid ini hak milik Allah dan tanggungjawab kita semua sebagai orang islam untuk jaga masjid ini. Saya selaku panitia pembantu yang dululah jawatankuasa dulu sampai lah satu peringkat diorang kata nak suruh saya uruskan masjid ini. Saya kata “saya *tak* [tidak] mampu sebab saya *tak* [tidak] kenal, saya orang baru” saya kata. *Diorang* [mereka] kata “*takpe* [tiada apa], kita buat sama-sama”. Dan Alhamdulillah lah saya dapat kerjasama. Begitu *jugok* [juga], bila kami lantik pengurus baru ini, pengurus Haji Safian ini dia pesan dia *nok* [nak] saya ada bersama-sama dengan dia sebab itu Alhamdulillah lah tuhan bagi peluang untuk saya berbakti lagi dekat masjid ini. Begitu *jugok* [juga] sebelum ini, Tuan Haji Fadhli dulu. Tuan Haji Fadhli pun macam itu *jugok* [juga] dia mintak [minta] saya kekal dalam jawatankuasa tulah supaya sama-sama.

- NAFNZ : **Bagaimakah masjid ini boleh memperkuuhkan ukhuwah di kalangan ahli jemaah?**
- ESA : Masjid ini memanglah satu tempat yang untuk memperkuuhkan ukhuwah ini. Bila semakin ramai jemaah datang, maka semakin kuatlah ukhuwah dia sebab di dalam masjid ini kita takkan cerita benda-benda pelik kita semua kita tengok berkaitan dengan agama benda yang baik-baik. Jadi, hubungan kita semakin rapat. Kita boleh tengok *jemooh* [jemaah] “kenapa *jemooh* [jemaah] ini *takdok* [tiada]?” kita akan perasan. Yang saya meneliti daripada 1 [satu] saf ini 50 [lima puluh] orang satu saf ini, kita boleh kenal *hokni* [yang ini] duduk mana, *hokni* [yang ini] duduk mana. Bila dari segi peribadi kita *dok* [tidak] tahu tapi kita boleh kenal yang ini pencen polis, *hokni* [yang ini] pencen

cikgu, *hokni* [yang ini] penced swasta. Bila sehari dia *takdok* [tiada] “eh lama *dok* [tidak] *napok* [nampak] orang ini”. Jadi, kita bertanya khabar kita berkembang sahabat jemaah makin bertambah kita saling mengenali.

- NAFNZ : **Apakah cabaran peribadi yang Cikgu Safri pernah hadapi ketika menjalankan tugas di masjid?**
- ESA : Cabaran peribadi saya yang paling *besor* [besar] ialah bila pertemuan antara dua fahaman politik sebab bila kita duk [duduk] masjid ini memang berpolitik tapi bukan fahaman politik *hokni* [yang ini] parti A, *hokni* [yang ini] parti B *kan* [bukan]? Saya ingat dulu masa umur saya jadi pengurus apabila ada pelajar-pelajar yang nak buat program forum saya kata “okaylah” nak mengimarahkan pelajar-pelajar UMT [Universiti Malaysia Terengganu] masa itu. *Pahtu* [selepas itu], saya pun setuju saya tandatangan dia *mintak* [minta] sumbangan makan. Saya kata “okay *dakpe* [tiada apa], saya sediakan makan” untuk diorang buat program. Tapi, sehari sebelum program itu saya dapat telefon daripada naib pengurus saya masa itu dia pengurus JKK [Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung] dia kata pelajar-pelajar ini dia macam dia satu kumpulan yang membuat demonstrasi. Masa itu, Perdana Menteri Datuk Najib. *Diorang* [mereka] datang Kuala Terengganu *diorang* [mereka] buat piket dia adalah pelajar itu saya *tak* [tidak] perasan. Saya dapat panggilan telefon daripada EXCO pendidikan masa itu YB [Yang Berhormat] Razif. Dia beritahu “awok [awak] tahu *dok* [tidak] dia kata yang nak bagi *ceramoh* [ceramah] itu ialah kumpulan yang protes Najib”. Saya kata “saya *tak* [tidak] tahu SV [supervisor] ada datang”. Jadi saya terpaksa telefon *pelajor* [pelajar] itu saya beritahu. Rupanya sebelum ini dia datang jumpa saya sebagai persatuan lain tapi bila kain rentang naik persatuan lain ada stiker. Saya tunjuklah kertas *keje* [kerja] yang datang persatuan *pelajor* [pelajar] lain tapi dia gunakan *pelajor* [pelajar] itu yang datang ialah kumpulan lain. Dia datang nak bagi *ceramoh* [ceramah] saya cam [macam] “Allah”. Memang letih saya ingat masa itu tapi kita datang masjid memberi *nok* [nak] sampaikan fahaman kita bukan fahaman umum *nok* [nak] bagi fahaman kita *nok* [nak] suruh orang ikut apa yang kita faham dengan ekstrem. Cabaran masa itu, masa *diorang* [mereka] datang itu *diorang* [mereka] telefon saya, saya kata “*takpelah* [tiada apa lah] saya *bayor* [bayar]”. Jadi, saya *bayor* [bayar] lah makan minum semua itu dan benda itu

dibatalkan. Jadi itulah pengalaman yang orang nak gunakan masjid ini sebagai tempat orang kata “huduh” sebab nanti berlaku pergaduhan dalam masjid. Itu antara cabaran lah.

- NAFNZ** : **Bagaimana Cikgu Safri menguruskan masa sebagai seorang pensyarah, AJK masjid dan ketua keluarga?**
- ESA** : [Berfikir] Saya rasa menguruskan masa itu kita akan cuba lah. Biasanya, kalau waktu pagi saya akan ke pejabat lah *lepahtu* [selepas itu] biasanya *lepas* [selepas] pada pejabat itu biasanya saya dengan keluarga saya lah dengan anak-anak saya. Kemudian, [berfikir] antara maghrib isyak itu saya cuba pastikan saya akan berada di masjid. Isteri saya akan berjemaah bersama dengan ahli-ahli lain lah. Kita kalau tengok berkaitan dengan masjid. *Lepastu* [selepas itu], biasanya kita dapat sokongan contohnya kita ada pegawai masjid, kita ada pembersihan masjid, kita ada peti bila ada *masaloh* [masalah] bila ada teguran daripada *jemooh* [jemaah] ke apa kita akan maklumkan kepada pegawai, pegawai ini akan uruslah contohnya dari segi kebersihan. Jadi kita akan dapat maklum daripada *jemooh* [jemaah] apa-apa isu lah. Jadi apa yang berlaku ini antara maghrib dan isyak insyaAllah kita akan dapat tentang perjalanan sehariannya tapi sekarang ini *dah* [sudah] mudah kita dah ada *group* [kumpulan] whatsapp. Jadi kita *dah* [sudah] ada *group* [kumpulan] whatsapp, walaupun kita *tak* [tidak] dapat hadir kita tahu apa yang berlaku. Kadang-kadang macam haritu bila ada isu, telefon saya. Masa itu saya ada dekat luar. Bincang dalam itu macam mana nak buat ini. Jadi, dia dapat keputusan itu kita *bowok* [bawa] dalam *group* [kumpulan] ataupun kalau *nok* [nak] tindakan segera kita bagitahu contohnya macam haritu makan malam itu dah siap tapi masalahnya tukang *masok* [masak] ada *musyakkah* [halangan] ada keluarga dia sakit dia balik. Jadi, pembantu dia pun ada hal di *luor* [luar] jadi dia maklum dekat *member* [rakan] dia suruh wat *keluor* [keluar] makanan. Jadi, saya pun “kenapa *tak* [tidak] buat *keluor* [keluar] makanan ni?”. Bila gi [pergi] *check* [periksa] *kat* [dekat] dapur penuh 2 [dua] thermos tu mee rebus rasa ke mee kari. *Patu* [selepas itu] kebetulan mari bertugas itu pegawai masjid *bukak* [buka] bonet *kete* [kereta] *letok* [letak] tu *hantor* [hantar] ke madrasah dia *mudir* [pengetua] situ. Bila *hantor* [hantar] sana Alhamdulillah lah taklah membazir makanan itu. Sebab itu kadang-kadang boleh katakan setiap hari kita kena ada lah masjid

ini supaya kita dapat tahu perkembangan antara setiap waktu tapi kalau hari cuti *camni* [macam ini] insyaAllah lah kalau *tak* [tidak] kemana kita cuba sentiasa hadir lah. Kita uar-uarkan *jemooh* [jemaah] semua datang tapi kita *tak* [tidak] datang. Kalau dulu Tun Dr. Mahathir kata “kepimpinan melalui teladan” *haktu* [yang itu] kena tengok lah kita nak suruh *jemooh* [jemaah] hadir tapi jawatankuasa *takde* [tiada] [gelak] *takleh* [tidak boleh] lah [bunyi batuk].

TAMAT BAHAGIAN 7

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Safri Bin Aziz sepanjang berkhidmat di Masjid Baru Tok Jembal ini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu mengenai Masjid Baru Tok Jembal kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

Firdaus (2024, February 02). *Siri Assalamualaikum Kembali Masjid Kampung Tok Jembal Terengganu Jadi Lokasi Pertama*. Gempak.

<https://gempak.com/berita-terkini/siri-assalamualaikum-kembali-masjid-kampung-tok-jembal-terengganu-jadi-lokasi-pertama-86335>

Masjid Baru Tok Jembal MTJ. (n.d.). *Masjid Baru Tok Jembal MTJ* [Facebook page]. Facebook.

<https://www.facebook.com/p/Masjid-Baru-Tok-Jembal-MTJ-100079731971010/>

Shamsuddin, M. A. (2019, April 21). *Kakitangan MPB gotong royong bersih masjid*. Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/04/555497/kakitangan-mpb-gotong-royong-bersih-masjid>

TRDI News. (2024, March 21). *Masjid perlu berfungsi sebagai pusat sehenti*.

<https://www.trdi.my/masjid-perlu-berfungsi-sebagai-pusat-sehenti>

Zulkifli, A. R. (2024, September 11). *Sarapan percuma untuk peserta RXZ Members 6.0 di Masjid Tok Jembal*. Harian Metro; New Straits Times.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132797/sarapan-percuma-untuk-peserta-rxz-members-60-di-masjid-tok-jembal>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN PENGENALAN		
0:00	Pengenalan temubual	<ul style="list-style-type: none"> - Safri Bin Aziz - Ahli Jawatankuasa Masjid - 15 Disember 2024 (Ahad) - 12 tengah hari - Masjid Baru Tok Jembal - Nik Ahmad Fathulbadri Bin Nik Zulhaiza dan Muhammad Shakir Aniq Bin Mohamad Najip
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
0:47	Menyatakan nama penuh dan gelaran tokoh	<ul style="list-style-type: none"> - Safri Bin Aziz - Cikgu
01:16	Menyatakan umur tokoh	
01:25	Menyatakan tempat tinggal tokoh	
01:39	Menyatakan bilangan adik beradik tokoh	
01:57	Menyatakan status perkahwinan tokoh	<ul style="list-style-type: none"> - Berkahwin
02:05	Tahun perkahwinan dan usia semasa kahwin	
02:23	Asal usul isteri	<ul style="list-style-type: none"> - Kelantan
02:32	Bilangan anak	
02:45	Pekerjaan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> - Pensyarah - Unit Kokurikulum - IPG Kampung Dato' Razali Ismail

03:08	Tempoh bekerja sebagai pensyarah	- 28 tahun
-------	----------------------------------	------------

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH

03:25	Perjalanan pendidikan dan kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> - SPM (1985) – Sekolah Menengah Sultan Omar, Dungun - STPM – Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah, Dungun - Ijazah Sarjana Muda Ekonomi – Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah - KPLI – IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani - Diploma Pendidikan – IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani - Posting – SMK Sapulut, Sabah - Pensyarah (1996) – Maktab Perguruan Kuala Terengganu (IPG Kampus Dato' Razali Ismail)
05:47	Motivasi melanjutkan pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan mengubah kehidupan - Pengaruh keluarga dan masyarakat - Motivasi untuk membuktikan kejayaan
07:13	Tokoh inspirasi dalam pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - Dato' Razali Ismail - Timbalan Menteri Pendidikan
08:14	Peringkat pengajian tertinggi	<ul style="list-style-type: none"> - Sarjana Pendidikan - Open University
08:28	Pencapaian akademik	<ul style="list-style-type: none"> - Pelajar terbaik (1995-1996) - Pelajar Cemerlang KPLI
09:12	Cabarannya sebagai pensyarah	<ul style="list-style-type: none"> - Mengajar Matematik (subjek sukar bagi pelajar) - Menyesuaikan pengajaran dengan aplikasi sebenar

		<ul style="list-style-type: none"> - Bertukar dari Matematik ke Pendidikan Jasmani - Belajar komunikasi dan rundingan dalam Unit Kokurikulum - Konsep "Semakin kita belajar, semakin kita rasa bodoh"
--	--	--

BAHAGIAN 3: PENGENALAN MASJID

13:35	Lokasi masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Masjid Baru Tok Jembal - Terletak berdekatan sekolah - Berdekatan Masjid Pantai Tok Jembal
15:46	Tahun pembinaan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - 2009
16:52	Pengasas masjid	<ul style="list-style-type: none"> - MAIDAM - Mantan YB Tuan Haji Sapiang Ali
17:54	Peristiwa bersejarah	<ul style="list-style-type: none"> - Sultan Terengganu pernah solat di masjid - Datuk Zahid Hamidi dan Fadillah Yusof pernah hadir - Penceramah terkenal seperti Ustaz Azhar dan Ustaz Harun Din
19:04	Sumber dana pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> - Dibayai sepenuhnya oleh MAIDAM - Kutipan sumbangan dari penduduk kampung
19:53	Tujuan pembinaan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah - Terletak di kawasan perumahan yang berkembang
20:23	Pemilihan reka bentuk masjid	<ul style="list-style-type: none"> - MAIDAM (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu)
21:26	Sumber dana pembinaan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - MAIDAM (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu)

21:37	Tempoh pembinaan dan penyelesaian masjid	- Pembinaan mengambil masa lebih kurang tiga tahun
22:00	Perubahan utama yang dilakukan pada masjid selepas pembinaan	- Yayasan Terengganu (Tadika) - Pembinaan bangunan tambahan untuk kelas pengajian dan mesyuarat
23:37	Proses perasmian masjid dan pihak yang terlibat	- Masjid belum dirasmi
24:20	Cabaran yang dihadapi dalam pembinaan masjid	- Peningkatan kos bahan binaan seperti simen dan besi
25:11	Faktor utama yang mempengaruhi pemilihan lokasi masjid	- Tapak kilang - Tanah milik kerajaan negeri - Laluan utama ke bandar
26:05	Perkembangan masjid sejak dibina	- Pendapatan daripada syarikat telekomunikasi - Pembelian mimbar bernilai RM24,000 - Penambahan kemudahan seperti kipas gerasi, penghawa dingin, sistem pembesar suara, dan karpet baru
31:02	Perbezaan utama antara masjid ini dengan masjid lain	- Program Madinah Ramadhan - Kawasan parkir yang luas - Pasar malam dan pasar tani di sekitar masjid

BAHAGIAN 4: HAL EHWAL MASJID

32:32	Menyatakan imam utama masjid	- Ustaz Farizul Khari
33:06	Menyatakan bilangan ahli jawatankuasa masjid	- 17 ahli jawatankuasa
33:18	Menyatakan bagaimana keputusan penting dibuat di masjid	- Mesyuarat rasmi jawatankuasa - Pengundian dalam grup WhatsApp untuk menentukan persetujuan majoriti

		<ul style="list-style-type: none"> - Menilai dan memilih projek berdasarkan peruntukan terhad dan keperluan masjid
34:43	Menyatakan peranan utama jawatankuasa masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Pengimaranan masjid - Menjaga dan mengekalkan kemudahan serta infrastruktur masjid - Pengurusan solat - perancangan program
35:57	Menjelaskan bagaimana mesyuarat jawatankuasa masjid dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> - Penentuan tarikh mesyuarat berdasarkan kesesuaian majoriti ahli jawatankuasa - Proses undian atau persetujuan tarikh mesyuarat melalui perbincangan dalam grup WhatsApp - Mesyuarat diadakan hanya apabila majoriti ahli jawatankuasa dapat hadir
36:31	Menyatakan tempat mesyuarat jawatankuasa masjid dijalankan	<ul style="list-style-type: none"> - Bilik aktiviti yang terletak di bahagian belakang masjid
36:39	Menjelaskan cabaran utama dalam menguruskan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Melayan keperluan dan cadangan pelbagai jenis jemaah - Menangani aduan dan cadangan yang berbeza daripada jemaah untuk memastikan kepuasan semua pihak.
38:24	Menyatakan sistem pengurusan kewangan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Pelantikan kerani kewangan untuk mencatat butiran kewangan secara terperinci. - Bendahari masjid yang dibantu oleh kerani kewangan
39:07	Menyatakan bagaimana masjid ini memastikan ketelusan dalam pentadbirannya	<ul style="list-style-type: none"> - Memaparkan pendapatan dan perbelanjaan masjid secara umum - Sistem keselamatan peti besi dengan menggunakan dua orang yang berbeza untuk memegang kunci dan nombor pin.

40:19	Menjelaskan kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dana masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Kutipan dana melalui solat Jumaat - Derma digital melalui QR code dan nombor akaun bank - Promosi derma melalui media sosial
43:11	Menyatakan masjid ini mempunyai dana kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> - Bahagian dana kecemasan untuk menangani situasi kritikal seperti bil elektrik yang tinggi.
44:31	Menyatakan sumber pendapatan utama masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Sumber Utama: Sumbangan daripada penduduk setempat. - Sewa Tadika sebanyak RM1,000 sebulan.
45:20	Menyatakan bagaimana sumbangan derma diuruskan	<ul style="list-style-type: none"> - Tabung Pengurusan Masjid untuk keperluan operasi masjid. - Tabung Makanan untuk penyediaan makanan setiap malam selepas Isyak. - Tabung Mengaji untuk membantu pelajar mengaji tanpa yuran dan memberi saguhati kepada ustaz
45:57	Menyatakan bagaimana masjid ini menangani aduan daripada ahli jemaah	<ul style="list-style-type: none"> - Cadangan Jemaah diterima melalui grup WhatsApp - Aduan Kerosakan ditangani segera oleh staf penyelenggaraan
49:01	Menyatakan kemudahan yang disediakan di Masjid Baru Tok Jembal	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat Solat - Dewan Serbaguna - Kelas Agama
50:07	Menyatakan terdapat sukarelawan yang membantu operasi harian masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Ada jemaah yang membantu dalam operasi harian masjid - Sukarelawan (sekitar 20 orang) diperlukan bagi menguruskan penyediaan makanan untuk ribuan jemaah.

51:12	Menyatakan langkah yang diambil untuk menguruskan kerosakan atau pembaikan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Penyelenggaraan masjid - Pembaikan oleh staff atau kontraktor - Dibantu oleh pelbagai kumpulan seperti Tarbiah Jaya Rizal, UMT, dan ILP, terutama untuk program besar
52:01	Menjelaskan ciri-ciri keselamatan yang ada di Masjid Baru Tok Jembal	<ul style="list-style-type: none"> - CCTV - Pintu Grill dahulu dikunci, kini hanya ditutup untuk memudahkan jemaah - Lampu Limpah - Jawatankuasa keselamatan melakukan rondaan dan memantau keadaan sekitar masjid
52:50	Menyatakan masjid menghadapi masalah berkaitan dengan jumlah pengunjung yang terlalu ramai	<ul style="list-style-type: none"> - Kesesakan Masjid berlaku hanya semasa program khas atau kehadiran penceramah terkenal. - Cadangan membina dewan terbuka
54:07	Menyatakan peranan pihak pengurusan dalam memastikan kebersihan dan keceriaan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Melantik dua tukang kebun untuk memastikan kebersihan - Dibersihkan sekurang-kurangnya dua kali seminggu dengan vakum
54:42	Menyatakan Masjid Baru Tok Jembal memiliki platform media sosial rasmi	<ul style="list-style-type: none"> - Masjid Baru Tok Jembal mempunyai platform media sosial rasmi - Kuliah Maghrib disiarkan secara langsung
55:50	Menyatakan individu yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Masjid Baru Tok Jembal	Pengerusi Masjid Baru Tok Jembal, Ustaz Din, untuk sebarang pertanyaan
BAHAGIAN 5: AKTIVITI		
56:17	Menyatakan aktiviti keagamaan utama yang diadakan di masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Solat lima waktu - Kuliah agama

		<ul style="list-style-type: none"> - Sambutan hari-hari kebesaran Islam
58:14	Menyatakan program tahunan yang diadakan di masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Ibadah Puasa Ramadhan seperti menyediakan makanan berbuka untuk 500 ke 1000 orang sehari - Sambutan Hari Kebesaran Islam contohnya raya Korban, Maulidur Rasul, Israk Mikraj - Kelas Al-Quran setiap hari Rabu seperti Mengaji & Tadarus - Kuliah Agama antara waktu Maghrib ke Isyak.
59:53	Menyatakan bagaimana masjid menyambut bulan Ramadhan	<ul style="list-style-type: none"> - Majlis Berbuka Puasa - Sepuluh Malam Terakhir contohnya program Tadarus, Qiamullail, dan makan sahur untuk jemaah yang berikikaf. - Tadarus Al-Quran
01:02:15	Menyatakan bagaimana masjid menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha	<ul style="list-style-type: none"> - Aidilfitri: Jamuan 1,000 orang, duit raya untuk kanak-kanak. - Aidiladha: Ibadah korban 4 - 9 ekor lembu dengan sumbangan agensi.
01:03:50	Menyatakan program pendidikan agama untuk kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> - Kelas Al-Quran & Iqra' - Kem Bestari Solat - Sukaneka - Kem Fiqh Asas - Program Berkhatan Percuma
01:06:39	Menyatakan bagaimana masjid ini mengadakan ceramah agama secara berkala	<ul style="list-style-type: none"> - Kuliah agama harian setiap maghrib ke Isyak - Kuliah Subuh pada setiap Jumaat & Sabtu - Kuliah Dhuha pada setiap Isnin, selari dengan pasar tani - Kuliah Malam Jumaat yang menggantikan bacaan Yasin

01:08:09	Menyatakan peranan wanita dalam aktiviti keagamaan di masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan Mengaji - Ziarah Jemaah Uzur - Bantu Penyediaan Makanan - Bacaan Yasin
01:10:05	Menyatakan keistimewaan yang disediakan kepada jemaah selepas solat Isyak setiap hari	<ul style="list-style-type: none"> - Makanan & Minuman disediakan selepas Isyak - Masjid Dibuka 24 Jam - Kemudahan Wi-Fi - Bantuan Makanan
BAHAGIAN 6: KOMUNITI		
01:13:26	Menyatakan aktiviti komuniti yang diadakan oleh masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Gotong-royong secara berkala - Sumbangan cermin mata percuma kepada golongan asnaf - Program kesihatan kerjasama dengan UiTM - Hari Orang Kurang Upaya (OKU)
01:15:01	Menyatakan bagaimana masjid ini mendekati golongan belia	<ul style="list-style-type: none"> - Penceramah pilihan - Jamuan makanan - Program khas seperti "Pahlawan Subuh RXZ Member" & "Scooter Ride" - Cabutan bertuah
01:17:45	Menyatakan projek sukarela yang dijalankan oleh masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Bantuan Juadah Berbuka - Misi Bantuan Banjir - Pengurusan Jenazah
01:20:37	Menyatakan bagaimana masjid menggalakkan perpaduan dalam masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> - Gotong-royong - Memasak Beramai-ramai - Penglibatan Pelbagai Negeri & Negara - Penyembelihan & Jamuan
01:22:28	Menyatakan bagaimana masjid terlibat dalam sebarang projek alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> - Program Kitar Semula - Pengumpulan Bahan Terpakai

01:23:58	Menyatakan bagaimana masjid ini bekerjasama dengan masjid lain	<ul style="list-style-type: none"> - Pertukaran Imam & Penceramah - Sokongan Program - Perkongsian Maklumat - Makluman Aktiviti
01:26:30	Menyatakan bagaimana masjid ini membantu ahli jemaah yang memerlukan	<ul style="list-style-type: none"> - Maklumat & Komunikasi - Solat Hajat & Tahlil - Pinjaman Kewangan - Bantuan Komuniti
01:28:46	Menyatakan tujuan utama pembangunan tanah perkuburan masjid secara percuma	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi kemudahan kepada masyarakat - Fardhu kifayah yang dianggap sebagai tanggungjawab individu oleh jawatankuasa - Menguruskan jenazah secara percuma (mandi, kapan, sembahyang, kebumikan) - Mewujudkan kawasan perkuburan yang selesa dan tidak menyeramkan
01:30:25	Penglibatan masjid dengan syarikat penyiaran	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada penglibatan rasmi dengan syarikat penyiaran tetapi selebriti dari syarikat penyiaran pernah datang ke masjid
BAHAGIAN 7: HARAPAN DAN CABARAN		
01:32:46	Visi dan misi utama masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Mengimarahkan masjid dengan kehadiran jemaah yang tinggi - Mencapai suasana solat Subuh seperti solat Jumaat - Menyediakan pelbagai kemudahan untuk menarik lebih ramai jemaah - Membangunkan tanah perkuburan dan tanah komersial seperti pasar borong - Menyediakan ruang terbuka untuk rehat dan berbuka puasa - Membina lebih banyak tandas dan kemudahan awam

01:37:26	Masa depan dan hala tuju pembangunan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Peningkatan jumlah jemaah dengan kemudahan yang lebih baik - Penggunaan dana jemaah untuk menaik taraf fasiliti - Penambahan kipas besar dan penghawa dingin untuk keselesaan jemaah - Perancangan jangka panjang untuk menambah infrastruktur masjid
01:39:12	Cabaran dan harapan pengurusan masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Fokus kepada pembangunan tanah perkuburan - Mendapatkan kebenaran MAIDAM untuk projek komersial seperti pasar borong - Menyediakan penginapan untuk imam dan bilal bagi memastikan kehadiran penuh - Menjana pendapatan melalui pasar malam, pasar tani, dan homestay - Memperkuatkan program agama seperti bacaan Al-Mulk selepas Isyak
01:43:29	Perubahan yang diinginkan di masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Ingin melihat lebih ramai golongan muda dan kanak-kanak datang ke masjid - Golongan muda aktif dalam menguruskan masjid - Menarik remaja melalui program seperti "Pahlawan Subuh RXZ Member"
01:46:14	Cara masjid meningkatkan peranannya dalam masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan tapak pasar malam untuk penduduk sekitar bermiaga dan membeli makanan
01:51:57	Cara masjid terus relevan dalam dunia moden	<ul style="list-style-type: none"> - Pemilihan imam dan bilal yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan dalam pelbagai perkara

		<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan kemudahan moden seperti Wi-Fi dan kawasan rehat - Menambah baik pencahayaan dan suasana masjid untuk menarik lebih ramai jemaah
01:54:44	Nasihat tokoh kepada ahli jemaah baru	<ul style="list-style-type: none"> - Jangan segan untuk datang ke masjid dan anggap ia sebagai rumah sendiri - Golongan muda perlu mengambil peranan dalam menjaga dan mengimarahkan masjid - Masjid adalah lambang perpaduan umat Islam, dan semua bertanggungjawab menjaganya
01:59:21	Memperkuuhkan Ukhuwah di Masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Lebih ramai jemaah, lebih kuat ukhuwah - Masjid sebagai tempat berbincang perkara berkaitan agama dan kebaikan - Jemaah saling mengenali dan prihatin jika ada yang tidak hadir
02:00:25	Cabaran Peribadi di Masjid	<ul style="list-style-type: none"> - Mengurus perbezaan fahaman politik - Isu forum pelajar yang dikaitkan dengan protes politik tanpa pengetahuan awal - Elak masjid disalah guna untuk perbalahan politik
02:04:07	Pengurusan Masa sebagai Pensyarah, AJK Masjid, dan Ketua Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> - Seimbangkan kerja, keluarga, dan tugas di masjid - Pastikan hadir ke masjid antara Maghrib dan Isyak - Guna WhatsApp untuk komunikasi dan penyelarasian tugas - Tangani isu masjid dengan cepat, seperti masalah pengagihan makanan - Memimpin dengan contoh untuk menggalakkan kehadiran jemaah

BAHAGIAN PENUTUP

02:07:46	Sesi penutup bersama tokoh	<ul style="list-style-type: none">- Penghargaan diberikan atas kesudian dan kerjasama beliau dalam wawancara ini-Ucapan terima kasih sebagai penutup temubual.
----------	----------------------------	---

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1.00pm – 2.00pm	14 Oktober 2024	Perbincangan	Perbincangan antara ahli kumpulan dalam mencari tokoh, lokasi atau bangunan yang mempunyai sumbangan dan latar belakang yang menarik.
10.00am – 11.00am	17 Oktober 2024	Perbincangan	Merujuk kepada pensyarah berkenaan tokoh yang hendak ditemuduga serta saling bertukar pendapat.
4.00pm – 5.00pm	29 Oktober 2024	Perjumpaan kali pertama	Pertama kali berjuma tokoh untuk mengenali dan memberitahu tujuan yang sebenar dan meminta persetujuan untuk menemubual.
10.00am – 10.30am	31 Oktober 2024	Panggilan telefon	Pertama kali berhubung dengan tokoh melalui perbualan telefon bimbit, untuk memastikan tarikh untuk jalankan sesi temubual.
2.00pm – 4.00pm	2 November 2024	Penggunaan Media Sosial	Menjalankan carian tokoh tersebut di internet bagi mengenalpasti sumber kesahihan.
12.00pm- 4.00pm	16 November 2024	Perbincangan	Menyediakan soalan yang diperlukan untuk menemuduga tokoh “Masjid Baru Tok Jembal”
10.00am – 11.00am	19 November 2024	Perbincangan	Meminta pendapat pensyarah mengenai

			soalan temuduga yang telah dilaksanakan.
1.00pm – 3.00pm	23 November 2024	Perbincangan	Menambahbaik soalan tersebut dan mendapat kebenaran dari pensyarah untuk menjalankan temuduga.
8.00am – 10.00am	15 Disember 2024	Temuduga	Memulakan perjalanan bergerak ke Masjid Baru Tok Jembal untuk tujuan temuduga. Temuduga tersebut selesai pada jam 1.00 petang.
2.00pm – 6.00pm	25 Disember 2024	Suntingan Video	Membuat suntingan pada video tersebut dan menambahbaik kualiti video.
1.00pm – 5.00pm	4 Januari 2025	Proses Transkrip	Memulakan proses transkrip hasil daripada temuduga yang telah dijalankan.

SENARAI SOALAN

Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh

1. Apakah nama penuh dan nama gelaran Encik?
2. Berapakah umur Encik?
3. Di manakah Encik tinggal?
4. Berapakah bilangan adik beradik, dan Encik merupakan anak yang keberapa?
5. Apakah status perkahwinan Encik?
6. Pada tahun bilakah Encik berkahwin dan berapakah usia Encik ketika itu?
7. Adakah isteri Encik berasal dari negeri yang sama?
8. Berapakah bilangan anak Encik?
9. Apakah pekerjaan Encik sekarang atau sebelum bersara (jika sudah bersara)?
10. Sudah berapa lama Encik bekerja sebagai pensyarah?

Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh

1. Bagaimanakah perjalanan kerja Encik dari SPM sehingga menjadi seorang pensyarah?
2. Apakah yang mendorong Encik untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi?
3. Siapakah individu atau tokoh yang memberi inspirasi kepada Encik dalam bidang pendidikan?
4. Apakah peringkat pengajian tertinggi Encik?
5. Apakah pencapaian akademik Encik yang paling membanggakan?
6. Apakah cabaran Encik ketika menjadi seorang pensyarah?

Bahagian 3: Pengenalan Masjid

1. Dimanakah terletaknya Masjid Baru Tok Jembal?
2. Bilakah Masjid Baru Tok Jembal dibina?
3. Siapakah yang mengasaskan Masjid Baru Tok Jembal?
4. Apakah peristiwa bersejarah yang pernah berlaku di masjid ini?
5. Bagaimana masjid ini dibiayai pada awal pembinaannya?
6. Apakah tujuan asal pembinaan masjid ini?
7. Bagaimana reka bentuk masjid ini dipilih?
8. Bagaimanakah masjid ini memperoleh dana untuk pembinaannya?
9. Berapa lamakah masa diambil untuk masjid siap dibina?
10. Apakah perubahan utama yang telah dibuat pada masjid ini sejak ia dibina?

11. Bagaimana proses perasmian masjid ini dilakukan, dan siapa yang merasmikannya?
12. Apakah cabaran yang dihadapi semasa pembinaan masjid ini?
13. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi lokasi pembinaan masjid ini?
14. Bagaimanakah masjid ini telah berkembang sejak ia dibina?
15. Apakah perbezaan utama antara masjid ini dan masjid lain di kawasan ini?

Bahagian 4: Hal Ehwal Masjid

1. Siapakah imam utama di masjid ini?
2. Berapakah bilangan ahli jawatankuasa masjid?
3. Bagaimanakah keputusan penting dibuat di masjid ini?
4. Apakah peranan utama jawatankuasa masjid?
5. Bagaimanakah mesyuarat jawatankuasa masjid dijalankan?
6. Dimana mesyuarat jawatankuasa masjid dijalankan?
7. Apakah cabaran utama dalam menguruskan masjid ini?
8. Apakah sistem pengurusan kewangan masjid ini?
9. Bagaimana masjid ini memastikan ketelusan dalam pentadbirannya?
10. Apakah kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dana masjid?
11. Adakah masjid ini mempunyai dana kecemasan?
12. Apakah sumber pendapatan utama masjid ini?
13. Bagaimanakah sumbangan derma diuruskan?
14. Bagaimanakah masjid ini menangani aduan daripada ahli jemaah?
15. Apakah kemudahan yang disediakan di Masjid Baru Tok Jembal?
16. Adakah terdapat sukarelawan yang membantu operasi harian masjid?
17. Apakah langkah yang diambil untuk menguruskan kerosakan atau pemberian masjid?
18. Apakah ciri-ciri keselamatan yang ada di Masjid Baru Tok Jembal?
19. Adakah masjid menghadapi masalah berkaitan dengan jumlah pengunjung yang terlalu ramai?
20. Apakah peranan pihak pengurusan dalam memastikan kebersihan dan keceriaan masjid?
21. Adakah Masjid Baru Tok Jembal memiliki platform media sosial rasmi?
22. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Masjid Baru Tok Jembal?

Bahagian 5: Aktiviti

1. Apakah aktiviti keagamaan utama yang diadakan di masjid ini?
2. Apakah program tahunan yang diadakan di masjid ini?
3. Bagaimanakah masjid ini menyambut bulan Ramadan?
4. Bagaimana masjid ini menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha?
5. Apakah program pendidikan agama untuk kanak-kanak?
6. Adakah masjid ini mengadakan ceramah agama secara berkala?
7. Apakah peranan wanita dalam aktiviti keagamaan di masjid ini?
8. Apakah keistimewaan yang disediakan kepada jemaah selepas solat Isyak setiap hari?

Bahagian 6: Komuniti

1. Apakah aktiviti komuniti yang diadakan oleh masjid ini?
2. Bagaimanakah masjid ini mendekati golongan belia?
3. Apakah projek sukarela yang dijalankan oleh masjid ini?
4. Bagaimana masjid ini menggalakkan perpaduan dalam masyarakat?
5. Adakah masjid ini terlibat dalam sebarang projek alam sekitar?
6. Bagaimanakah masjid ini bekerjasama dengan masjid lain?
7. Bagaimana masjid ini membantu ahli jemaah yang memerlukan?
8. Apakah tujuan utama pembangunan tanah perkuburan masjid secara percuma?
9. Adakah masjid ini pernah terlibat dengan mana-mana syarikat penyiaran?

Bahagian 7: Harapan dan Cabaran

1. Apakah visi dan misi utama masjid ini?
2. Bagaimanakah Cikgu Safri melihat masa depan masjid ini?
3. Apakah rancangan pembangunan masa depan masjid ini?
4. Apakah perubahan yang Cikgu Safri ingin lihat di masjid ini?
5. Bagaimanakah masjid ini boleh meningkatkan lagi peranannya dalam masyarakat?
6. Bagaimanakah masjid ini boleh terus relevan dalam dunia yang semakin moden?
7. Apakah nasihat Cikgu Safri kepada ahli jemaah baru?
8. Bagaimanakah masjid ini boleh memperkuuhkan ukhuwah di kalangan ahli jemaah?
9. Apakah cabaran peribadi yang Cikgu Safri pernah hadapi ketika menjalankan tugas di masjid?
10. Bagaimana Cikgu Safri menguruskan masa sebagai seorang pensyarah, AJK masjid dan ketua keluarga?

SIJIL PENGHARGAAN

Lampiran 2



Gambar 2: Sijil Penghargaan Ceramah Perdana Ehwal Islam

Lampiran 3



Gambar 3: Sijil Penghargaan Naib Johan Pertandingan Kebersihan & Keceriaan Masjid Mukim Sempena Program Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Cemerlang Tahun 2017/1439H Peringkat Daerah Kuala Nerus

Lampiran 4



Gambar 4: Anugerah Emas

Lampiran 5



Gambar 5: Sijil Penghargaan Kem Ibadat Pelajar-pelajar Prauniversiti SMK Kompleks Mengabang Telipot di Masjid Tok Jembal

INDEKS

A

Agama 12, 16, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 31, 36, 40, 42, 43, 53, 56, 57, 63, 72, 74, 76, 79, 80, 86
Agama Islam 22, 23, 24, 25, 29, 53, 56, 72
Anugerah 15

B

Bahagian 6, 15, 17, 21, 23, 29, 35, 39, 40, 45, 48, 53, 65, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, 77, 78, 81
Biro 33

C

Cabaran 6, 13, 20, 26, 31, 32, 53, 63, 64, 71, 72, 73, 78, 79, 80, 84, 85, 86
Ceramah 12, 36, 43, 49, 57, 64, 76, 86

D

Dana 25, 28, 33, 34, 38, 41, 52, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 71, 72, 74, 79, 84, 85

K

Keluarga 4, 18, 19, 24, 36, 43, 45, 64, 65, 70, 81, 86
Kerjaya 10, 18, 70

M

Masjid 1, 2, 6, 8, 12, 13, 15, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 69, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86
Masyarakat 8, 12, 13, 18, 21, 24, 46, 48, 49, 51, 58, 70, 78, 80, 86

P

Pegawai Agama 27
Pencapaian 19, 70, 84
Penceramah 23, 24, 29, 40, 46, 50, 52, 61, 71, 75, 77, 78
Pengurusan 1, 2, 8, 27, 32, 35, 38, 48, 51, 59, 61, 73, 74, 75, 78, 79, 81, 85

S

Sumbangan 4, 24, 26, 28, 33, 34, 35, 36, 41, 46, 47, 52, 54, 55, 56, 59, 60, 63, 66, 71, 74, 76, 77, 82, 85